

5

KEMENTERIAN KERJA RAYA

- KEMENTERIAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR SABAH

- Projek Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo di Negeri Sabah bagi Jajaran Lahad Datu Bypass

- JABATAN KERJA RAYA SARAWAK

- Projek *Kick Off* Naik Taraf Jalan Simpang Nyabau, Bintulu ke Simpang Bakun di bawah Projek Pembangunan dan Naik Taraf Lebuhraya Pan Borneo Sarawak



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR SABAH

- Projek Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo
di Negeri Sabah bagi Jajaran Lahad Datu
Bypass

**KEMENTERIAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
INFRASTRUKTUR SABAH
PROJEK PEMBINAAN LEBUHRAYA PAN BORNEO DI
NEGERI SABAH BAGI JAJARAN LAHAD DATU BYPASS**

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Projek Jajaran Lahad Datu *Bypass* dilaksanakan melalui *Work Package* 21 (WP21) dengan kos kontrak berjumlah RM174.94 juta (termasuk GST). Objektif pelaksanaan projek adalah untuk menghubungkan daerah Sandakan dan Tawau tanpa melalui bandar Lahad Datu bagi mengurangkan kesesakan trafik di bandar tersebut.
- Pengauditan melibatkan penilaian terhadap Jajaran Lahad Datu *Bypass* sepanjang 7.0 kilometer bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019 yang meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi projek dan pengurusan projek.
- Prestasi projek dinilai berdasarkan dua (2) perkara iaitu pencapaian fizikal projek dan pencapaian *outcome* projek.
- Pengurusan projek meliputi tujuh (7) perkara iaitu pencapaian kewangan; pengambilan balik tanah; perolehan; pentadbiran kontrak; penilaian kesan alam sekitar [*Environmental Impact Assessment* (EIA)]; pelaksanaan pembinaan dan pemantauan.
- Pengauditan melibatkan Syarikat 1164231-M sebagai *Project Delivery Partner* (PDP), JKR Sabah dan rujukan juga dilakukan dengan Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Negeri Sabah (JPAS) dan Jabatan Tanah dan Ukur (JTU) Sabah.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Objektif Projek LPBS adalah untuk meningkatkan keupayaan rangkaian perhubungan dan akses yang lebih selamat kepada pengguna jalan raya di Sabah.
- Tempoh kontrak pembinaan dan penyiapan Projek LPBS adalah 69 bulan iaitu mulai bulan April 2016 dan dijangka siap pada 31 Disember 2021 dengan kos yang disasarkan berjumlah tidak melebihi RM12.860 bilion.

Apa yang ditemui Audit?

- Prestasi fizikal keseluruhan Projek LPBS bagi 11 WP semasa tarikh penamatan perkhidmatan PDP pada 21 September 2019 adalah 12.8% berbanding 41.9% yang dirancang, iaitu lewat 29.1%. Setakat 31 Disember 2019 selepas diambil alih oleh JKR Sabah, sebanyak 10 WP mendahului jadual antara 0.3% hingga 8.7% dan hanya satu (1) WP telah lewat jadual sebanyak 1%.

- Prestasi bagi Jajaran Lahad Datu *Bypass* hanya mencapai 37.4% berbanding jadual sebanyak 45.7% iaitu lewat jadual sebanyak 8.3% semasa PDP ditamatkan pada 21 September 2019. Bagaimanapun, projek telah dijadualkan semula dengan tarikh baru penyiapan projek pada 3 Julai 2020.
- Prestasi *outcome* Projek LPBS dan Jajaran Lahad Datu *Bypass* belum dapat dinilai kerana belum disiapkan setakat 31 Disember 2019.
- Projek Pembinaan LPBS bagi Jajaran Lahad Datu *Bypass* yang dilaksanakan oleh PDP tidak diurus dengan cekap dan berkesan kerana:
 - Pengambilan balik tanah tidak diselesaikan sebelum kerja pembinaan dimulakan yang menjelaskan jadual pelaksanaan kerja.
 - Petender berjaya bagi WP21 Lahad Datu *Bypass* tidak memenuhi syarat pra-kelayakan minimum ditetapkan. Selain itu, petender berjaya didapati tidak berkeupayaan dari segi kewangan, tiada pengalaman membina jalan, kekurangan kakitangan teknikal serta loji dan peralatan asas.
 - Tuntutan interim WPC lewat dibayar yang menjelaskan aliran kewangan WPC.
 - PDP tidak mengambil alih kerja kontraktor WP21 yang lewat jadual seperti mana yang dibenarkan dalam kontrak, bilangan mesin dan tenaga kerja WPC tidak mencukupi, kerja dan bahan pembinaan tidak diberikan perlindungan serta pemantauan kurang berkesan di semua peringkat telah menjelaskan pelaksanaan projek.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR SABAH

1. PROJEK PEMBINAAN LEBUHRAYA PAN BORNEO DI NEGERI SABAH BAGI JAJARAN LAHAD DATU BYPASS

FAKTA UTAMA PROJEK PEMBINAAN LEBUHRAYA PAN BORNEO DI NEGERI SABAH BAGI JAJARAN LAHAD DATU BYPASS

670.28 km	RM12.860 Bilion	7 km	RM174.94 Juta
<ul style="list-style-type: none">Jarak keseluruhan dari Sindumin ke Tawau	<ul style="list-style-type: none">Kos yang disasarkan untuk tempoh tahun 2016 hingga 2021	<ul style="list-style-type: none">Jarak jajaran Lahad Datu Bypass	<ul style="list-style-type: none">Kos Kontrak WP21 - Lahad Datu Bypass
Kementerian Kerja Raya (KKR)	Kementerian yang bertanggungjawab di peringkat Persekutuan		
Kementerian Pembangunan Infrastruktur (KPI) Sabah	<ul style="list-style-type: none">Kementerian yang bertanggungjawab di peringkat negeri SabahPengarah Projek bagi Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah (LPBS) ialah Setiausaha Tetap KPI Sabah		
Project Delivery Partner (PDP)	Pembinaan Projek LPBS sepanjang 670.28 km dilaksanakan secara PDP		

1. LATAR BELAKANG

1.1. Projek Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Sabah (LPBS) melibatkan pembinaan jalan raya baharu dua (2) lorong dua (2) hala dan empat (4) lorong dua (2) hala mengikut piawaian JKR R5 dan kerja naik taraf jalan sedia ada daripada dua (2) lorong dua (2) hala kepada empat (4) lorong dua (2) hala mengikut piawaian JKR R5/U5. Objektif Projek LPBS adalah untuk meningkatkan keupayaan rangkaian perhubungan dan akses yang lebih selamat kepada pengguna jalan raya di Sabah.


1.2. Kerajaan Persekutuan yang diwakili oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Kerajaan Negeri Sabah diwakili oleh Setiausaha Kerajaan Negeri (SKN) telah menandatangani *Project Delivery Partner Agreement* (PDPA) dengan syarikat 1164231-M pada 11 April 2016. Syarikat ini dilantik sebagai Rakan Pelaksana Projek [*Project Delivery Partner (PDP)*] dan bertanggungjawab melaksana, memantau, mengurus dan menyiapkan projek mengikut perjanjian. Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Infrastruktur (KPI) Sabah dilantik sebagai Pengarah Projek [*Project Director (PD)*] manakala Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah sebagai wakil PD.

1.3. PDP akan dibayar yuran dengan kadar 5.5% daripada kos pembinaan sebenar tertakluk kepada had maksimum RM12.860 bilion. Kadar yuran akan diselaraskan mengikut jadual kadar yang dipersetujui dalam PDPA jika kos melebihi had maksimum. Peruntukan Luar Jangka pula ditetapkan sebanyak 10% daripada kos pembinaan bagi menampung lebihan kos pembinaan dan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Kawalan Kos/Perubahan [*Cost Control/Change Committee (CCC)*]. Selain itu, tuntutan

bayaran balik berjumlah RM2.200 bilion diperuntukkan untuk bayaran kos tertentu seperti kos langsung dan perbelanjaan operasi, kos pihak ketiga (yuran konsultan), perancangan dan penyiasatan tanah, kos pengambilalihan kerosakan/kewangan disebabkan oleh kontraktor serta kos-kos lain yang diluluskan oleh CCC yang disenaraikan dalam PDPA.

1.4. PDP hendaklah mematuhi dua (2) Petunjuk Prestasi Utama [*Key Performance Indicator (KPI)*] iaitu, menyiapkan projek selaras dengan tempoh kontrak dan sasaran kos yang ditetapkan. Berdasarkan PDPA, tempoh kontrak pembinaan dan penyiapan Projek LPBS adalah 69 bulan, bermula April 2016 dan dijangka siap pada 31 Disember 2021. Kos yang disasarkan tidak melebihi RM12.860 bilion. PDP bertanggungjawab mengadakan 35 Paket Kerja [*Work Package (WP)*] dengan Kontraktor Paket Kerja [*Work Package Contractor (WPC)*] untuk pembinaan lebuhraya sepanjang 670.28 km meliputi jajaran seperti dalam **Peta 1**.

PETA 1
PELAN JAJARAN PELAKSANAAN PROJEK LPBS MENGIKUT PAKEJ KERJA



Sumber: PDP
Petunjuk:

	Meluaskan Jalan Sedia Ada		Paket Kerja Telah Dimulakan Pembinaan
	Jalan/Bypass Baharu		Paket Kerja Belum Ditender

1.5. Sepanjang tempoh kontrak, PDP telah menawarkan 12 kontrak WP kepada 12 WPC. Bagaimanapun, satu (1) WPC telah ditamatkan perkhidmatan oleh PDP pada 25 Julai 2018.

1.6. Kerajaan Persekutuan seterusnya telah memutuskan untuk menamatkan kontrak perkhidmatan PDP dengan memberikan lima (5) bulan notis penamatan melalui surat KKR bertarikh 22 April 2019. Tindakan penamatan dibuat berdasarkan Klausu 28 PDPA, atas sebab kepentingan negara. Sehubungan itu, pada 21 September 2019 kontrak perkhidmatan PDP telah ditamatkan dan Kerajaan Persekutuan telah menyerahkan pengurusan Projek LPBS kepada KKR pada 22 September 2019. Status kemajuan fizikal sebenar Projek LPBS semasa ditamatkan adalah 12.8%, lewat 29.1% berbanding 41.9% kemajuan kerja yang dirancang. Kerajaan Persekutuan kemudiannya melantik semula 11 WPC yang sama pada 2 Disember 2019. Selanjutnya, program kerja baharu telah dirangka untuk kesemua 11 WPC tersebut.

1.7. Kos Projek LPBS dibiayai melalui peruntukan pembangunan oleh Kerajaan Persekutuan. Peruntukan akan disalurkan ke dalam Akaun Amanah Projek Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Sabah. Akaun Amanah ini dikawal selia oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Negeri Sabah selaku Pegawai Pengawal. Setakat 31 Disember 2019, kesemua peruntukan berjumlah RM1.788 bilion yang diterima telah dibelanjakan sepenuhnya untuk Projek LPBS.

1.8. Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan peruntukan berjumlah RM2.100 bilion untuk kos pengambilan balik tanah bagi Projek LPBS. Peruntukan ini disalurkan ke dalam Akaun Amanah Pampasan Tanah Projek Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Sabah. Pegawai Pengawal bagi Akaun Amanah ini adalah Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Sabah. Setakat 31 Disember 2019, sebanyak RM651 juta telah disalurkan ke dalam Akaun Amanah ini.

1.9. Projek yang dilaksanakan melalui WP21 bagi jajaran Lahad Datu *Bypass* adalah dengan kos kontrak berjumlah RM174.94 juta [termasuk *Goods and Service Tax (GST)*] dengan tempoh kontrak bermula pada 7 Disember 2016 hingga 6 Disember 2018. Objektif pelaksanaan projek adalah untuk menghubungkan daerah Sandakan dan Tawau tanpa melalui bandar Lahad Datu bagi mengurangkan kesesakan trafik di bandar tersebut. Butiran projek seperti dalam **Jadual 1** dan pelan lokasi WP21 adalah seperti dalam **Peta 2**.


JADUAL 1
BUTIRAN PROJEK LPBS BAGI WP21 JAJARAN LAHAD DATU BYPASS

PERKARA	BUTIRAN
Nombor Kontrak	BHP/LDB/WP21/C03/2016 bertarikh 19 Julai 2017
Skop Projek	<ul style="list-style-type: none">• <i>Road works and associated drainage works.</i>• <i>1 no. of single span bridge across Sepagaya River.</i>• <i>2 nos. of grade separated interchanges at the start and the end of the proposed bypass.</i>• <i>Slope profiling works including slope protection treatment and rock excavation.</i>• <i>Street lighting installation at the major interchanges and the U-Turn.</i>

PERKARA	BUTIRAN
Jenis Perolehan	Tender Terhad
Kaedah Pelaksanaan	<i>Project Delivery Partner</i> – Syarikat No. 1164231-M
Harga Kontrak Asal	RM174.94 Juta
Jarak	7 km
Kontraktor	Syarikat No.165081-T
Tarikh Surat Setuju Terima	10 Oktober 2016
Tarikh Kontrak Ditandatangani	10 Julai 2017
Tarikh Milik Tapak	7 Disember 2016
Tempoh Kontrak	24 Bulan
Tarikh Siap Asal Kontrak	6 Disember 2018

Sumber: Dokumen Kontrak WP21

**PETA 2
PELAN LOKASI WP21 JAJARAN LAHAD DATU BYPASS**



Sumber: Pelan Lokasi WP21

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada Projek LPBS bagi Jajaran Lahad Datu Bypass diurus dengan berhemat, cekap dan berkesan untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Selain itu, pengauditan juga dijalankan untuk menilai sama ada PDP mematuhi KPI yang ditetapkan, iaitu menyiapkan projek selaras dengan tempoh kontrak dan anggaran kos yang ditetapkan.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi projek dan pengurusan projek. Prestasi projek dinilai berdasarkan dua (2) perkara iaitu pencapaian fizikal projek dan pencapaian *outcome* projek. Pengurusan projek meliputi tujuh (7) perkara iaitu pencapaian kewangan, pengambilan balik tanah, perolehan, pentadbiran kontrak, penilaian kesan alam sekitar, pelaksanaan pembinaan dan pemantauan.

3.2. Skop pengauditan meliputi pembinaan jajaran WP21 Lahad Datu *Bypass* sepanjang 7 km bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019. Sampel ini dipilih kerana merupakan salah satu daripada tiga (3) pakej jajaran awal yang dilaksanakan pada suku pertama tahun 2016. Pengauditan telah dijalankan di Kementerian Pembangunan Infrastruktur (KPI) Sabah, PDP, JKR Sabah, Jabatan Tanah dan Ukur (JTU) Sabah dan pejabat tapak jajaran WP21 di Lahad Datu, Sabah.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail serta menganalisis data berkaitan projek. Selain itu, lawatan fizikal Audit bersama wakil PDP, JKR dan kontraktor dijalankan di tapak projek WP21. Pihak Audit juga mengadakan perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang terlibat bagi mendapatkan penjelasan terhadap isu yang dibangkitkan. Selain itu, rujukan turut dibuat terhadap laporan profesional daripada pihak ketiga seperti Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (JPAS) Negeri Sabah dan JTU Sabah bagi mendapatkan pengesahan dan maklumat tambahan.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan dari bulan Julai hingga Disember 2019. Penemuan Audit dan maklum balas KKR, JKR, PDP dan JTU Sabah telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup (*Exit Conference*) pada 11 Disember 2019. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti dalam perenggan berikut:

5.1. Prestasi Projek

Bagi melaksanakan perkhidmatannya, PDP dikehendaki mematuhi dua (2) KPI yang ditetapkan iaitu menyiapkan projek selaras dengan tempoh kontrak dan anggaran kos yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

5.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

a. Pencapaian Fizikal Keseluruhan Projek LPBS

- i. Berdasarkan PDPA, tempoh pembinaan dan penyiapan Projek LPBS sepanjang 670.28 km adalah selama 69 bulan, bermula 11 April 2016 hingga 31 Disember 2021. Kos yang disasarkan tidak melebihi RM12.860 bilion dan komponen Projek LPBS merangkumi:
 - pembinaan jalan baharu dua (2) lorong dua (2) hala mengikut piawaian JKR R5 sepanjang 124 km dari Tuaran ke Kudat; dan
 - pembinaan jalan baharu dan kerja naik taraf jalan sedia ada daripada dua (2) lorong dua (2) hala kepada empat (4) lorong dua (2) hala mengikut piawaian JKR R5/U5 sepanjang 546.28 km dari Sindumin ke Tuaran, Ranau ke Sandakan dan Sandakan ke Tawau.
- ii. Kerja pembinaan Projek LPBS sepatutnya dilaksanakan oleh 35 WPC yang dilantik oleh PDP melalui 35 Kontrak Pakej Kerja. Semakan Audit mendapati sebelum kontrak perkhidmatan PDP ditamatkan pada 21 September 2019, sebanyak 12 WPC daripada 35 WPC telah dilantik untuk melaksanakan 12 Kontrak Pakej Kerja. Bagaimanapun, satu (1) WPC telah ditamatkan kontrak pada 25 Julai 2018.
- iii. Berdasarkan Ringkasan Keseluruhan Kemajuan Kerja sehingga 21 September 2019, iaitu semasa tarikh penamatan perkhidmatan PDP, kemajuan fizikal sebenar keseluruhan Projek LPBS adalah 12.8% berbanding 41.9% yang dirancang, iaitu lewat 29.1%. Semakan Audit selanjutnya mendapati **sebanyak dua (2) WP mendahului jadual antara 0.8% hingga 0.9%, manakala sembilan (9) WP telah lewat jadual antara 0.3% hingga 8.3% berbanding yang dirancang.**
- iv. Selepas kontrak perkhidmatan PDP ditamatkan pada 21 September 2019, proses perundingan pengambilalihan Projek LPBS daripada PDP kepada Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan. Seterusnya, kesemua 11 WPC yang sama telah dilantik semula pada 2 Disember 2019. **Setakat 31 Disember 2019, prestasi 10 WP didapati mendahului jadual antara 0.3% hingga 8.7% dan hanya satu (1) WP telah lewat daripada jadual sebanyak 1%** seperti dalam **Jadual 2**. Semakan Audit selanjutnya mendapati program kerja baharu telah dirangka dan tarikh siap dipinda bagi Projek LPBS melibatkan 11 WP sehingga 3 Disember 2022 berbanding tarikh siap asal pada 31 Disember 2021.

JADUAL 2
STATUS KEMAJUAN FIZIKAL PROJEK LPBS SETAKAT 31 DISEMBER 2019

BIL.	WPC	STATUS KEMAJUAN FIZIKAL (%)						STATUS KEMAJUAN FIZIKAL	
		21 SEPTEMBER 2019			31 DISEMBER 2019				
		JADUAL	SEBENAR	VARIAN	JADUAL	SEBENAR	VARIAN		
1.	21	45.7	37.4	-8.3	0.7	1.0	0.3	Mendahului Jadual	
2.	01	36.1	35.2	-0.9	0.6	0.9	0.3		
3.	08	10.5	10.1	-0.4	0.0	5.6	5.6		
4.	03	9.5	9.1	-0.4	0.7	1.0	0.3		
5.	06	16.2	15.3	-0.9	0.6	1.4	0.8		
6.	27	57.9	58.8	0.9	5.5	14.2	8.7		
7.	04	16.8	17.6	0.8	2.7	3.7	1.0		
8.	02	8.9	8.3	-0.6	10.0	9.0	-1.0	Lewat	
9.	10	12.5	12.0	-0.5	0.0	2.0	2.0	Mendahului Jadual	
10.	07	19.8	19.5	-0.3	2.3	5.4	3.1		
11.	05	63.9	63.4	-0.5	2.0	5.7	3.7		
12.	15	100**	21.6**	-78.4**	Ditamatkan kontrak pada 25 Julai 2018				

Sumber: JKR dan PDP

Nota: (**): Peratus Kemajuan Kerja Semasa Tarikh Penamatan

b. Prestasi Fizikal Projek WP21 Jajaran Lahad Datu Bypass

- i. Klausula 2.2 kontrak menetapkan tempoh kontrak adalah selama 24 bulan, bermula dari tarikh milik tapak pada 7 Disember 2016 dan berakhir pada 6 Disember 2018.
- ii. Semakan Audit mendapati **projek Jajaran Lahad Datu Bypass tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu pada 6 Disember 2018**. Di bawah PDPA, tiga (3) lanjutan masa selama 481 hari telah diluluskan dan tarikh siap dipinda adalah pada 31 Mac 2020. **Setakat 21 September 2019, kemajuan fizikal bagi projek ini adalah 37.4%, lewat 8.3% berbanding 45.7% yang dirancang.** Bagaimanapun, berdasarkan program kerja baharu yang dirangka, terdapat perubahan pada status kemajuan fizikal projek pembinaan Jajaran Lahad Datu Bypass. Semakan Audit mendapati **kemajuan fizikal projek tersebut setakat 31 Disember 2019 telah mendahului jadual sebanyak 0.3%**.

Maklum balas JKR Sabah yang diterima pada 25 November 2019

Kelewatan pelaksanaan Pakej WP21 telah dibincangkan dalam Mesyuarat Pemantauan dan telah menasihatkan PDP untuk mengambil tindakan berdasarkan syarat-syarat kontrak.

Pendapat Audit Projek LPBS secara kontrak bersama PDP tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan kerana keseluruhan projek mengalami kelewatan yang boleh menjaskan sasaran KPI berkaitan tempoh kontrak. KPI bagi sasaran kos tidak dapat dinilai kerana projek masih dalam pelaksanaan. Prestasi keseluruhan projek selepas pengambilalihan belum dapat dinilai kerana pelantikan semula WPC dilaksanakan pada 2 Disember 2019.

5.1.2. Pencapaian *Outcome*

Pencapaian *outcome* bagi Projek LPBS dan WP21 Lahad Datu *Bypass* belum dapat dinilai disebabkan pelaksanaannya belum disiapkan setakat 31 Disember 2019.

5.2. Pengurusan Projek

Untuk memastikan pengurusan projek LPBS dan sampel Audit iaitu projek pembinaan Lahad Datu *Bypass* dilaksanakan mengikut peraturan dan garis panduan yang ditetapkan, beberapa aspek pematuhan dalam pengurusan projek telah disemak. Hasil semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

5.2.1. Pencapaian Kewangan

a. Pencapaian Kewangan Keseluruhan Projek LPBS

- i. PDPA menetapkan Projek LPBS hendaklah disiapkan dengan kos berjumlah tidak melebihi RM12.860 bilion. Semakan Audit mendapati **sehingga akhir tahun 2019, peruntukan pembangunan yang diterima daripada Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk pembinaan Projek LPBS adalah berjumlah RM1.788 bilion.** Bagi tempoh yang sama, kesemua peruntukan yang diterima telah dibelanjakan sepenuhnya seperti dalam **Jadual 3**. Semakan Audit selanjutnya mendapati perbelanjaan yang telah dibuat meliputi bayaran perkhidmatan PDP berjumlah RM48.91 juta, imbuhan bayaran balik PDP berjumlah RM590.89 juta dan bayaran tuntutan interim bagi 12 WPC berjumlah RM1.140 bilion.

JADUAL 3
PENCAPAIAN KEWANGAN BAGI KESELURUHAN PROJEK LPBS
SETAKAT 31 DISEMBER 2019

JENIS AKAUN	TAHUN	PERUNTUKAN (RM Bilion)		PERATUS PERBELANJAAN (%)
		DITERIMA	DIBELANJAKAN	
Akaun Amanah Projek Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo	2017	0.500	0.500	100
	2018	0.438	0.438	100
	2019	0.850	0.850	100
JUMLAH		1.788	1.788	100

Sumber: Laporan Peruntukan dan Perbelanjaan JKR

- ii. Dalam tempoh tahun 2016 hingga 2019, sejumlah RM651 juta telah diterima oleh JTU Sabah bagi pengambilan balik tanah. Bagi tempoh yang sama, kesemua peruntukan yang diterima juga telah dibelanjakan sepenuhnya bagi bayaran pampasan tanah Projek LPBS. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PENCAPAIAN KEWANGAN BAGI PAMPASAN TANAH
PROJEK LPBS SETAKAT 31 DISEMBER 2019

JENIS AKAUN	TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)		PERATUSAN (%)
		DITERIMA	DIBELANJAKAN	
Akaun Amanah Pampasan Tanah Projek Lebuhraya Pan Borneo	2016	25	5.00	20
	2017	50	54.58	109
	2018	256	166.56	65
	2019	320	424.85	133
JUMLAH		651	650.99	100

Sumber: Laporan Peruntukan dan Perbelanjaan JTU Sabah

b. Prestasi Bayaran WP21 Jajaran Lahad Datu *Bypass*

- i. Kos kontrak bagi WP21 untuk projek Jajaran Lahad Datu *Bypass* adalah berjumlah RM174.94 juta. Bagaimanapun dengan kelulusan Arahan Perubahan Kerja setakat bulan Mac 2019 bernilai RM5.97 juta, kos terkini projek adalah berjumlah RM168.97 juta.
- ii. Semakan Audit mendapati sebanyak 26 tuntutan interim bagi projek WP21 bernilai RM54.56 juta telah dikemukakan kepada JKR. Bagaimanapun, hanya RM52.78 juta (96.7%) daripada keseluruhan nilai tuntutan telah dibayar kepada WPC sehingga 31 Disember 2019. Sejumlah RM1.78 juta bagi satu (1) tuntutan pula hanya dibayar pada bulan Mac 2020.
- iii. Berdasarkan Klausus 26 kontrak, PDP hendaklah membayar kepada WPC dalam tempoh 45 hari dari tarikh sijil interim dikeluarkan atau tarikh penilaian sijil interim yang mana terkemudian. Analisis Audit mendapati sebanyak **19 daripada 26 tuntutan tersebut dibayar melebihi tempoh 45 hari**. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
TUNTUTAN DAN BAYARAN KEMAJUAN KERJA WP21
SETAKAT 31 DISEMBER 2019

BIL.	TARIKH PENILAIAN INTERIM	NO. IPC/TARIKH (A)	TARIKH/NO. BAUCAR	TARIKH BAYARAN		JUMLAH (RM)	TEMPOH LEWAT (Hari) [B – A]
				PDP	WPC (B)		
1.	23.01.2017	IPC 1 / 24.02.2017	17.05.2017 / 6307-135	11.08.2017	14.08.2017	1,901,322	113
2.	12.04.2017	IPC 2 / 18.05.2017	17.08.2017 / 13093-135	07.09.2017	15.09.2017	4,416,066	80
3.	26.05.2017	IPC 3 / 21.06.2017	28.08.2017 / 13750-135	25.09.2017	04.10.2017	5,207,886	70
4.	03.07.2017	IPC 4 / 03.08.2017	27.11.2017 / 221122-135	27.12.2017	29.12.2017	3,324,690	100
5.	30.08.2017	IPC 5 / 18.09.2017	27.11.2017 / 221122-135	27.12.2017	29.12.2017	6,216,264	70
6.	07.11.2017	IPC 6 / 22.11.2017	02.04.2018 / 4334-135	07.05.2018	07.05.2018	4,058,316	112
7.	06.12.2017	IPC 7 / 02.02.2018	02.04.2018 / 4335-135	07.05.2018	07.05.2018	1,013,148	63
8.	31.01.2018	IPC 8 / 14.02.18	02.04.2018 / 4336-135	07.05.2018	07.05.2018	2,043,468	55
9.	27.02.2018	IPC 9 / 09.03.18	02.07.2018 / 10562-135	27.08.2018	30.08.2018	1,642,788	116
10.	27.03.2018	IPC 10 / 10.04.2018	27.08.2018 / 14578-135	24.09.2018	28.09.2018	1,447,218	112
11.	25.04.2018	IPC 11 / 14.05.18	27.08.2018 / 14580-135	24.09.2018	28.09.2018	747,936	90
12.	22.05.2018	IPC 12 / 08.06.2018	27.08.2018 / 14579-135	24.09.2018	28.09.2018	684,972	74
13.	27.06.2018	IPC 13 / 23.07.18	21.09.2018 / 16433-135	10.10.2018	12.10.2018	1,961,204	54
14.	23.07.2018	IPC 14 / 09.08.2018	21.09.2018 / 16439-135	10.10.2018	12.10.2018	1,060,470	0
15.	29.08.2018	IPC 15 / 07.09.2018	31.10.2018 / 19984-135	13.11.2018	21.11.2018	1,279,980	48
16.	28.11.2018	IPC 16 / 10.12.2018	18.02.2019 / 908-135	18.03.2019	18.03.2019	413,820	63
17.	26.12.2018	IPC 17 / 10.01.2019	18.02.2019 / 909-135	22.03.2019	03.04.2019	43,200	57
18.	29.01.2019	IPC 18 / 13.02.2019	01.04.2019 / 3710-135	08.05.2019	09.05.2019	1,934,600	59
19.	28.02.2019	IPC 19 / 12.03.2019	15.04.2019 / 5023-135	06.05.2019	22.05.2019	117,900	48
20.	23.03.2019	IPC 20 / 13.05.2019	17.06.2019 / 9437-135	03.07.2019	10.07.2019	24,800	0
21.	23.04.2019	IPC 21 / 08.05.2019	17.06.2019 / 9442-135	03.07.2019	10.07.2019	31,900	0
22.	28.05.2019	IPC 22 / 17.06.2019	31.07.2019 / 12326-135	19.08.2019	21.08.2019	2,925,570	0
23.	28.06.2019	IPC 23 / 17.07.2019	15.08.2019 / 13679-135	03.09.2019	06.09.2019	3,347,590	0
24.	24.07.2019	IPC 24 / 14.08.2019	04.09.2019 / 14715-135	24.09.2019	25.09.2019	2,626,540	0
25.	28.08.2019	IPC 25 / 17.07.2019	09.10.2019 / 17453-135	24.10.2019	25.10.2019	4,305,020	0
26.	20.09.2019	IPC 26 / 03.10.2019	Belum Dibayar*	-	-	1,783,140	60
JUMLAH (RM)						54,559,808	

Sumber: PDP dan JKR

Nota: IPC - [Interim Payment Certificate (Sijil Tuntutan Interim)]

(*) - Telah Dibayar pada Bulan Mac 2020

iv. Semakan Audit selanjutnya mendapati kelewatan bayaran interim disebabkan oleh perkara berikut:

- Proses kelulusan dan agihan peruntukan daripada Kementerian Kewangan (MoF) Sabah kepada JKR didapati mengambil masa antara lima (5) hingga 47 hari.
- Penyediaan baucar bayaran oleh JKR pula mengambil masa antara satu (1) hingga 96 hari daripada tarikh peruntukan diterima.
- Sebanyak 13 daripada 18 (72%) tuntutan interim yang lewat dibayar didapati telah dikuriri oleh Jabatan Bendahari Negeri Sabah disebabkan oleh dokumen tuntutan kemajuan kerja yang tidak lengkap.
- Sebanyak satu (1) tuntutan bayaran interim bertarikh 3 Oktober 2019 berjumlah RM1.78 juta belum dibayar disebabkan peruntukan tidak mencukupi.

Maklum balas JKR Sabah yang diterima pada 25 November 2019

Proses bayaran hanya dapat dibuat selepas menerima peruntukan daripada MoF Sabah.

Maklum balas KKR yang diterima pada 11 Disember 2019

Pihak KKR akan mengkaji semula proses kerja bayaran tuntutan kemajuan kerja bagi mengatasi masalah pembayaran lewat.

Pendapat Kelewatan pembayaran tuntutan interim menjelaskan aliran Audit tunai WPC.

5.2.2. Pengambilan Balik Tanah

a. Pengambilan Balik Tanah Keseluruhan Projek LPBS

- i. Pengambilan balik tanah adalah di bawah tanggungjawab JTU Sabah. Pengambilan balik tanah dilaksanakan oleh JTU Sabah berdasarkan Seksyen 3 Ordinan Pengambilan Tanah Negeri Sabah. Berdasarkan prosedur JTU Sabah, surat tawaran akan dikeluarkan kepada pemilik selepas penilaian dibuat. Pampasan sebanyak 90% daripada nilai tawaran akan dibayar selepas pemilik bersetuju dengan nilai yang ditawarkan.
- ii. Semakan Audit mendapati, daripada 6,056 pemilikan tanah dan 1,564 pemilik bangunan yang terlibat di 12 Pakej Kerja, seramai 2,206 pemilik tanah

(36%) telah dibayar pampasan berjumlah RM361.04 juta. Bagi pemilik bangunan, seramai 1,148 pemilik bangunan (73%) telah dibayar pampasan berjumlah RM284.24 juta. Oleh yang demikian, **setakat bulan Disember 2019 Kerajaan belum selesai membayar pampasan berjumlah RM439.92 juta kepada 3,850 pemilik tanah dan 416 pemilik bangunan bagi 12 WP.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6.**

JADUAL 6
STATUS PENGAMBILAN BALIK TANAH PROJEK
LEBUHRAYA PAN BORNEO DI NEGERI SABAH BAGI 12 WP

PEMILIK	STATUS PENGAMBILAN BALIK TANAH				JUMLAH PENGAMBILAN BALIK TANAH	
	SELESAI		BELUM SELESAI			
	BIL. PEMILIK	NILAI PAMPASAN (RM Juta)	BIL. PEMILIK	NILAI PAMPASAN (RM Juta)	BIL. PEMILIK	NILAI PAMPASAN (RM Juta)
Tanah*	2,206	361.04	3,850	333.57	6,056	694.61
Bangunan	1,148	284.24	416	106.35	1,564	390.59
JUMLAH	3,354	645.28	4,266	439.92	7,620	1,085.20

Sumber: Rekod Pengambilan Tanah JTU Sabah

Nota: (*) - Termasuk Tanaman dan Lain-Lain

- iii. Semakan Audit selanjutnya setakat bulan Disember 2019 mendapati proses pengambilan tanah dan bangunan belum diselesaikan kerana isu pembatalan hak milik tanah, pengantian hak milik baharu, penukaran nama pemilik bangunan, kes rayuan serta kes mahkamah yang belum selesai. Kesan kelewatan penyelesaian pengambilan tanah menyebabkan Projek LPBS lewat disiapkan.

b. Pengambilan Balik Tanah bagi Projek Jajaran Lahad Datu *Bypass*

- i. Berdasarkan *Master Implementation Plan* (MIP) PDP, Pelan Pengambilan Tanah [*Land Acquisition Plan* (LAP)] bagi WP21 akan dikemukakan kepada JTU Sabah pada 13 April 2016 untuk membolehkan pengambilan balik tanah dilaksanakan.
- ii. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati LAP hanya dikemukakan kepada JTU Sabah pada 4 Julai 2016, iaitu lewat 82 hari daripada tarikh yang dijadualkan. Hal ini menyebabkan surat tawaran kepada pemilik tanah hanya mula dikeluarkan pada 13 Julai 2017, iaitu lapan (8) bulan selepas kontraktor memasuki tapak. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 7.**

JADUAL 7
KRONOLOGI PENGAMBILAN BALIK TANAH BAGI
PROJEK PEMBINAAN JAJARAN LAHAD DATU BYPASS

PERKARA	TARIKH PERANCANGAN BERDASARKAN MIP REV.1	TARIKH PELAKSANAAN
LAP dikemukakan kepada JTU Sabah	13.04.2016	04.07.2016
LAP dikemukakan kepada JKR	13.04.2016	11.07.2016
Warta Kerajaan	24.08.2016 hingga 06.09.2016	20.10.2016
Notis kepada pemilik tanah	Tiada Maklumat	30.11.2016
<i>Crop counting and structure valuation</i>		05.01.2017 hingga 03.07.2017
Surat Tawaran		13.07.2017

Sumber: Rekod Pengambilan Balik Tanah PDP dan JTU Sabah

- iii. Selain itu, semakan Audit selanjutnya terhadap rekod JTU Sabah mendapati seramai 76 pemilik, iaitu 49 pemilik tanah dan 27 pemilik bangunan terlibat dalam pengambilan balik tanah bagi projek Jajaran Lahad Datu *Bypass*. Daripada jumlah tersebut, pengambilan balik tanah bagi 43 pemilik (56.6%) telah diselesaikan, 30 pemilik (39.5%) belum bersetuju dengan tawaran, dua (2) pemilik (2.6%) tidak diberi tawaran dan satu (1) pemilik (1.3%) telah dibatalkan pengambilan tanah beliau. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
KEDUDUKAN PENGAMBILAN TANAH PROJEK
JAJARAN LAHAD DATU BYPASS SETAKAT BULAN DISEMBER 2019

BIL.	STATUS	BILANGAN PEMILIK			PERATUS (%)
		TANAH	BANGUNAN	JUMLAH	
1.	Telah dibayar pampasan	20	23	43	56.6
2.	Belum setuju dengan tawaran	26	4	30	39.5
3.	Tidak diberi tawaran	2	0	2	2.6
4.	Dibatalkan pengambilan tanah	1	0	1	1.3
JUMLAH		49	27	76	100

Sumber: Rekod Pengambilan Balik Tanah JTU Sabah

- iv. Berdasarkan rekod PDP, terdapat lima (5) pemilik tanah yang menyebabkan halangan kepada pembinaan. Menurut JTU Sabah, kesemua lima (5) pemilik telah menerima *Eviction Notice*. Empat (4) pemilik masih menduduki tanah mereka, manakala seorang pemilik sedang dalam proses merobohkan rumahnya. Halangan kepada pembinaan ini berpunca daripada keingkaran pemilik dan ketiadaan tindakan penguatkuasaan yang menyebabkan kerja *earthwork*, *drainage*, *pavement work* dan *utility relocation* tidak dapat dilaksanakan di tapak mengikut jadual. Selain itu, dua (2) pemilik belum diberi tawaran berikutan pertikaian hak milik tanah.

Maklum balas PDP yang diterima pada 2 Disember 2019

Jajaran WP21 ditetapkan selepas *Value Assesment* (VA) pada 28 April 2016 dan juruukur masuk untuk pengukuran untuk penyediaan LAP. LAP disemak kali kedua oleh JTU Sabah dan dihantar kembali kepada JTU Sabah pada 4 Julai 2016 untuk tandatangan dan pewartaan. Tempoh yang diambil untuk menyediakan LAP adalah munasabah.

Maklum balas JKR Sabah yang diterima pada 25 November 2019

Halangan tanah seperti rumah yang masih didiami dan mengambil kira faktor sosial serta kemanusiaan menyebabkan Kerajaan tidak dapat melaksanakan pengambilan tanah secara paksaan seperti dibenarkan di bawah Seksyen 3 Ordinan Pengambilan Tanah.

Pendapat Audit | **Proses pengambilan tanah tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan menyebabkan jadual pelaksanaan kerja kontraktor terjejas.**

5.2.3. Pengurusan Perolehan

a. Pelantikan Perunding Kerajaan

- i. Menurut Klausula 10.4 PDPA, Kerajaan Malaysia boleh melantik Jurutera Perunding Bebas [*Independent Consultant Engineer* (ICE)] untuk membuat semakan bebas, semakan kos dan kejuruteraan, menyemak sijil pembayaran serta khidmat pemantauan. Skop kerja ICE juga meliputi semakan terhadap pelan reka bentuk, dokumen tender, piawaian kualiti dan keselamatan yang dikemukakan oleh PDP.
- ii. Semakan Audit mendapati ICE dilantik setelah tiga (3) tahun Projek LPBS bermula. Kerajaan Malaysia telah melantik syarikat 173262-T sebagai ICE bagi Projek LPBS dengan harga kontrak berjumlah RM12.86 juta. Surat Setuju Terima (SST) bertarikh 22 Oktober 2019 telah ditandatangan oleh syarikat 173262-T pada 24 Oktober 2019.
- iii. Semakan Audit terhadap dokumen *Value Engineering* (VE), *Value Assessment* (VA), pengesahan kerja, pelan, tender dan lain-lain dokumen berkaitan mendapati ICE telah memulakan tugas sejak tahun 2017. Menurut JKR, ICE telah memulakan tugas berdasarkan Surat Niat yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan pada 30 Ogos 2019. ICE telah membantu Kerajaan sebagai pemeriksa bebas Projek Pembinaan LPBS mengikut tanggungjawab seperti dalam Jadual L PDPA.

- iv. ICE lewat dimuktamadkan kerana MoF telah menangguhkan kesemua perolehan Kerajaan secara tender terbuka, tender terhad dan rundingan terus melalui surat arahan MoF mengenai Penambahbaikan Tadbir Urus dan Pelaksanaan Perolehan Kerajaan bertarikh 29 Jun 2018.

Maklum balas KKR yang diterima pada 9 Disember 2019

MoF telah mengemukakan surat kelulusan pelantikan syarikat 173262-T sebagai ICE pada 2 Mac 2016. Pada 26 September 2016 hingga 14 Februari 2018, proses perundingan tentang nisbah kepentingan, teknikal dan kewangan, skop tugas serta perolehan ICE telah dilaksanakan. Pada Februari 2019 hingga September 2019, proses perolehan ICE telah dimulakan dan pada 24 Oktober 2019, syarikat 173262-T telah menandatangani pelantikan sebagai ICE bagi Projek LPBS.

b. Pelantikan Kontraktor

- i. Klausula 14 (*Works Package Contractors*) PDPA menyatakan PDP bertanggungjawab mengadakan WP dengan kontraktor berdasarkan Polisi Perolehan dalam Jadual G. PDP hendaklah melaksanakan proses perolehan termasuk penyediaan dokumen tender, pelawaan dan penilaian serta cadangan pelantikan kontraktor kepada Jawatankuasa Tender [Tender Committee (TC)]. Jadual G menyatakan Jawatankuasa Penilaian dan Pengesyoran Tender [Tender Evaluation and Recommendation Committee (TERC)] bertanggungjawab membuat penilaian tender dan mencadangkan WPC untuk kelulusan TC. WPC yang diluluskan akan dibawa kepada MoF untuk diperakuan. Keahlian TC dan Jawatankuasa Penilaian dan Cadangan Tender yang ditetapkan serta peranan masing-masing seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
JAWATANKUASA TENDER/PENILAIAN DAN CADANGAN TENDER

KEANGGOTAAN	PERANAN
Jawatankuasa Tender (TC)	
Pengerusi: Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah Sekretariat: Jabatan Kerja Raya Sabah Ahli: 1. Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia 2. Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Malaysia 3. Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah 4. Pengarah Jabatan Kerja Raya Sabah 5. Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif PDP/Wakil	Meluluskan cadangan WPC untuk perakuan MoF

KEANGGOTAAN	PERANAN
Jawatankuasa Penilaian dan Pengesyoran Tender (TERC)	
Pengerusi: PDP Timbalan Pengerusi: PDP Peringkat 1: Pra-Kelayakan Teknikal dan Kewangan Penilaian Teknikal 1. PDP 2. Wakil KKR 3. Wakil JKR Sabah Penilaian Kewangan 1. PDP Peringkat 2: Penilaian Komersil 1. PDP 2. Wakil KKR 3. Wakil JKR Sabah	Menilai dan mengesyorkan WPC

Sumber: *Project Delivery Partner Agreement (PDPA)*

- ii. Surat KKR bertarikh 13 Jun 2016 kepada Pengarah JKR Sabah menyatakan bahawa MoF telah meluluskan supaya projek pembinaan Jajaran Lahad Datu *Bypass* dilaksanakan secara tender terhad di kalangan 10 syarikat yang disenaraikan. Sehubungan itu, surat mempelawa untuk menyertai tender terhad telah dikeluarkan oleh JKR Sabah pada 26 Julai 2016 kepada kesemua 10 syarikat yang disenaraikan. Kesemua 10 syarikat bersetuju menyertai tender terhad ini. Kerajaan bersetuju supaya penilaian tender bagi kesemua pelawaan tender terhad ini dibuat oleh pihak PDP.
- iii. Mesyuarat TC Bil. 2/2016 yang diadakan pada 28 Julai 2016 telah memutuskan supaya tatacara perolehan tender bagi WP21 dilaksanakan seperti berikut:
 - proses pra-kelayakan dilaksanakan terhadap 10 petender terpilih;
 - petender terpilih hendaklah memenuhi syarat kelayakan minimum sebelum memasuki tender, iaitu hendaklah berdaftar dengan CIDB, Gred G7 dan berdaftar dengan PUKONSA, Kelas A atau memiliki Sijil Perolehan Kerja Kerajaan beralamat di Sabah serta mempunyai minimum purata pendapatan tahunan RM50 juta bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakang; dan
 - penilaian tender dilaksanakan melalui dua (2) peringkat iaitu penilaian teknikal dan kewangan pada peringkat pertama dan penilaian komersil pada peringkat kedua. Petender dengan jumlah minimum markah lulus 50% layak memasuki penilaian peringkat kedua.

- iv. Berdasarkan Laporan Penilaian Tender yang dibentangkan dalam Mesyuarat TC Bil. 3 pada 5 September 2016, TERC telah mencadangkan petender 10/10 iaitu syarikat 165081-T dipilih sebagai kontraktor bagi WP21. Pemilihan tersebut adalah berdasarkan tawaran harga yang terendah antara empat (4) petender yang telah melepas penilaian teknikal dan kewangan.
- v. Analisis Audit selanjutnya terhadap Laporan Penilaian Tender dan dokumen tender berkaitan mendapati terdapat kelemahan dalam penilaian dan pemilihan petender seperti berikut:
- pada peringkat pra-kelayakan, kesemua 10 petender telah tidak memenuhi kedua-dua atau salah satu syarat kelayakan minimum seperti diputuskan oleh Mesyuarat TC Bil. 2/2016 pada 28 Julai 2016.
 - empat (4) daripada 10 petender tidak memenuhi kedua-dua syarat kelayakan minimum iaitu pendaftaran dan pendapatan minimum tahunan.
 - enam (6) daripada 10 petender pula tidak memenuhi salah satu daripada dua (2) syarat kelayakan minimum ditetapkan.
- vi. Bagaimanapun, **tiada bukti menunjukkan PDP ada memaklumkan kepada TC bahawa kesemua 10 syarikat yang disenaraikan tidak memenuhi syarat kelayakan minimum.**
Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
RUMUSAN PENILAIAN SYARAT KELAYAKAN MINIMUM
DI PERINGKAT PRA-KELAYAKAN

PETENDER	SYARAT KELAYAKAN MINIMUM		MEMENUHI KELAYAKAN MINIMUM [YA (✓) / TIDAK (X)]
	(a)	(b)	
1/10	✓	X	X
2/10	X	X	X
3/10	✓	X	X
4/10	X	X	X
5/10	✓	X	X
6/10	X	✓	X
7/10	✓	X	X
8/10	X	X	X
9/10	X	X	X
10/10	✓	X	X

Sumber: Laporan Penilaian Tender BHP/LDB/WP21/T03/2016 dan Dokumen Tender

Nota: (a) - Berdaftar Dengan CIDB, Gred G7 dan Berdaftar Dengan PUKONSA, Kelas A atau Memiliki Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Beralamat di Sabah
(b) - Mempunyai Purata Pendapatan Tahunan Minimum RM50 juta bagi Tempoh 3 Tahun Sebelum

- vii. Berdasarkan **Jadual 10**, petender 10/10 yang dicadangkan tidak memenuhi syarat kelayakan minimum kedua iaitu pendapatan tahunan minimum RM50 juta bagi tempoh tiga (3) tahun sebelum pelaksanaan kontrak. Berdasarkan penyata kewangan syarikat 10/10, jumlah pendapatan tahunan bagi tempoh tahun 2012, 2013 dan 2014 adalah masing-masing RM49.86 juta, RM26.77 juta dan RM47.88 juta.
- viii. Penilaian teknikal adalah penting untuk memastikan petender yang dipilih mempunyai keupayaan teknikal yang mencukupi supaya kerja pembinaan berjalan lancar. Oleh itu, petender perlu memenuhi keperluan kriteria yang telah ditetapkan oleh TERC terutama dari aspek pengalaman kerja, kecukupan dan keupayaan kakitangan teknikal serta peralatan/loji.
- ix. Semakan Audit terhadap penilaian teknikal oleh TERC mendapati petender 10/10 juga tidak memenuhi kriteria yang telah ditetapkan kerana tidak berpengalaman dalam projek pembinaan jalan, kekurangan kakitangan teknikal berpengalaman dan tidak mempunyai kelengkapan loji dan peralatan asas yang mencukupi. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
PENEMUAN AUDIT TERHADAP RUMUSAN PENILAIAN TEKNIKAL
PETENDER DIPILIH BAGI WP21

PERINGKAT PENILAIAN	PENEMUAN AUDIT
Teknikal	<ul style="list-style-type: none"> i. Petender tidak berpengalaman menyiapkan sebarang projek berkaitan pembinaan jalan. Projek yang dilaksanakan oleh petender dalam tempoh lima (5) tahun adalah: <ul style="list-style-type: none"> • Cadangan Kerja-Kerja Pembinaan Struktur Pembaikan Struktur Bangunan dan Lain-Lain Kemudahan Berkaitan di SMK Pulau Gaya, Kota Kinabalu • Cadangan Kerja-Kerja Kecemasan (Perolehan Darurat AP 173.2) bagi Kerja-Kerja Pembaikan Struktur dan Bangunan Sekolah di SK Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Sabah. • Cadangan Pembinaan Kolej Komuniti Beaufort, Sabah (Reka dan Bina). • Pembangunan Kampus Tetap Universiti Malaysia Sabah (UMS) - Sekolah Perubatan, Kota Kinabalu, Sabah (Reka dan Bina). • Cadangan Membina dan Menyiapkan Sebuah Sekolah Sukan Sabah dan Kemudahan Berkaitan di Daerah Kota Kinabalu, Sabah (Kerja-Kerja Bangunan). ii. Petender hanya mempunyai lima (5) berbanding lapan (8) kakitangan teknikal yang diperlukan. iii. Kakitangan teknikal mempunyai pengalaman antara satu (1) hingga dua (2) tahun sahaja berbanding lima (5) hingga 12 tahun pengalaman yang diperlukan bagi projek yang ditender. iv. Petender hanya memiliki 13 unit berbanding 52 unit loji/peralatan asas diperlukan.

Sumber: Laporan Penilaian Tender WP21

- x. Perkara ini berlaku disebabkan PDP tidak menyemak secara terperinci minit Mesyuarat Jawatankuasa Tender Bil. 2/16 tentang RM50 juta purata pendapatan minimum bagi tiga (3) tahun adalah syarat wajib pra-kelayakan

bagi WP21. Kesannya, **petender yang berjaya bagi WP21 tidak memenuhi syarat purata pendapatan minimum ditetapkan untuk melaksanakan projek.** Selain itu, PDP juga tidak mengambil kira penilaian teknikal oleh TERC dari segi kekurangan pengalaman, sumber manusia serta kelengkapan petender yang berjaya.

Maklum balas PDP yang diterima pada 2 Disember 2019

PDP akur tidak menyemak terperinci Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tender Bil. 2/16 tentang catatan RM50 juta bagi WP21 sebagai syarat pra-kelayakan.

Maklum balas PDP yang diterima pada 16 Disember 2019

PDP akur dengan kesilapan pemberian markah terhadap penilaian teknikal kontraktor tidak mempunyai pengalaman kerja pembinaan jalan raya. Bagaimanapun, jumlah markah di bahagian teknikal akan berubah daripada 62.2% kepada 60.2% dan kontraktor masih mendapat markah melebihi 50% yang ditetapkan sebagai tahap pencapaian minimum untuk kelayakan teknikal.

Pendapat Audit	Kriteria meluluskan tender terhad di kalangan 10 syarikat oleh MoF adalah tidak jelas serta penilaian dan pemilihan kontraktor tidak dilaksanakan dengan cekap oleh PDP. Kontraktor yang dilantik tidak memenuhi syarat pra-kelayakan, prestasi kewangan kurang kukuh, kurang berpengalaman dalam projek membina jalan serta tidak mempunyai loji, peralatan dan kakitangan teknikal yang mencukupi telah menjejasikan pelaksanaan kerja.
-----------------------	--

5.2.4. Pentadbiran Kontrak

Penilaian terhadap aspek pentadbiran kontrak telah dibuat terhadap projek Jajaran Lahad Datu *Bypass* yang dilaksanakan melalui WP21. Hasil semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Kontrak Lewat Ditandatangani

- i. Klausula 14.1.2 PDPA menyatakan PDP hendaklah menyempurnakan perjanjian kontrak bersama dengan WPC. Selain itu, 1PP PK 4 (Pentadbiran Kontrak dalam Perolehan Kerajaan) menetapkan kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua terma dan syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak selewat-lewatnya empat (4) bulan dari tarikh keluarnya SST.

- ii. Semakan Audit mendapati SST bagi projek Jajaran Lahad Datu *Bypass* telah dikeluarkan pada 10 Oktober 2016. Bagaimanapun, **kontrak perjanjian lewat ditandatangani melebihi tempoh empat (4) bulan selepas SST dikeluarkan dengan tempoh kelewatan adalah 153 hari.** Kelewatan ini disebabkan perbincangan antara PDP dan kontraktor dilantik semasa penyediaan kontrak mengambil masa yang lama. Kesan kelewatan ini boleh memberi risiko implikasi perundangan kepada PDP.

Maklum balas PDP yang diterima pada 2 Disember 2019

Proses *rationalised Bill of Quantities* (BQ) mengambil masa dan berlaku kelewatan penyediaan dokumen kontrak oleh Konsultan QS.

b. Bon Pelaksanaan

- i. SST bertarikh 10 Oktober 2016 menetapkan Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank bersamaan 5% daripada nilai kontrak dikeluarkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh SST. Selain itu, Klausu 8.1 kontrak juga menetapkan tempoh Bon Pelaksanaan hendaklah dilanjutkan jika tempoh kontrak dilanjutkan.
- ii. Semakan Audit mendapati Jaminan Bank bernilai RM8.25 juta bersamaan 5% daripada nilai kontrak berjumlah RM165.04 juta (tidak termasuk GST) telah dikeluarkan dengan tempoh liputan dari 7 Disember 2016 hingga 6 Disember 2020. Bagaimanapun, pengeluaran Jaminan Bank tersebut dibuat pada 9 November 2016, lewat 16 hari dari tarikh SST. Selain itu, tambahan Jaminan Bank berjumlah RM495,116.44 telah dikeluarkan pada 30 Disember 2016 menjadikan jumlah bon bernilai RM8.75 juta, bersamaan 5% daripada nilai kontrak RM174.94 juta termasuk GST. Tempoh liputan bon juga telah dilanjutkan sehingga 6 Disember 2021.

Maklum balas PDP yang diterima pada 2 Disember 2019

WPC tidak bersetuju dengan beberapa ayat dalam Draf Bon Pelaksanaan yang disediakan oleh PDP dalam dokumen tender. Beberapa perbincangan telah dibuat untuk persetujuan semua pihak dan akhirnya Bon Pelaksanaan dimuktamadkan pada 9 November 2016. Bagaimanapun terdapat kesilapan catatan jumlah jaminan RM8.25 juta dan telah diperbetulkan kepada RM8.75 juta melalui perjanjian tambahan bertarikh 30 Disember 2016.

c. Polisi Insurans

- i. Klausula 14.3 PDPA menetapkan PDP hendaklah menyediakan sijil insurans sebelum WPC memulakan kerja pembinaan. Perkara ini telah diperuntukkan dalam Senarai Kuantiti Bil. No.1, Perkara Am 1.1, Insurans berjumlah RM1.30 juta.
- ii. Semakan Audit mendapati kontraktor bagi projek Jajaran Lahad Datu *Bypass* telah mengemukakan *Contractors' All Risks Insurance* bertarikh 14 November 2016 bernilai RM174.94 juta dan *Workmen's Compensation Insurance* bernilai RM17.49 juta kepada PDP. Tempoh liputan polisi insurans mulai 7 Disember 2016 sehingga 6 Disember 2020 termasuk 24 bulan Tempoh Tanggungan Kecacatan.
- iii. Kontraktor juga telah mengemukakan surat daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial bertarikh 17 November 2016 mengenai pendaftaran kontraktor sebagai majikan yang tertakluk kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja.

d. Lanjutan Masa

- i. Klausula 38 *Delay and Extension of Time* (EOT), *Condition of Contract* (CoC) kontrak menetapkan WPC hendaklah memberikan notis bertulis kepada *Project Delivery Partner Representative* (PDPR) jika menjangkakan kerja lewat disiapkan. WPC hendaklah dalam tempoh 14 hari menyatakan penjelasan terperinci kelewatan dan langkah diambil supaya tidak menjelaskan tarikh siap. PDP akan menilai sebab kelewatan dan meluluskan tempoh EOT.
- ii. Semakan Audit mendapati kontraktor telah memberikan notis kepada PDPR tentang jangkaan kerja lewat disiapkan dan langkah yang diambil supaya tidak menjelaskan tarikh siap. Semakan Audit selanjutnya mendapati kontraktor juga telah memohon tiga (3) EOT dan PDP telah meluluskan kesemua EOT berjumlah 481 hari. Berdasarkan kelulusan tersebut, tarikh siap projek yang dijadualkan pada 6 Disember 2018 telah dilanjutkan kepada 31 Mac 2020. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
BUTIRAN LANJUTAN MASA BAGI WP21

EOT	TARIKH MOHON EOT	SEBAB PERMOHONAN EOT OLEH WPC	SEBAB BAGI EOT YANG DILULUSKAN	TEMPOH EOT (Hari)	TARIKH PATUT SIAP	TARIKH SIAP DIPINDA
EOT 1	27.10.2017	<ul style="list-style-type: none">• Not given possession of the site or any part thereof in accordance with Clause 35.3• Delay in PDP's Representative direction pertaining the approval of the EIA Report for rock blasting activity.	<ul style="list-style-type: none">• Possession of the site.• EIA Report for rock blasting activity	183	06.12.2018	07.06.2019

EOT	TARIKH MOHON EOT	SEBAB PERMOHONAN EOT OLEH WPC	SEBAB BAGI EOT YANG DILULUSKAN	TEMPOH EOT (Hari)	TARIKH PATUT SIAP	TARIKH SIAP DIPINDA
EOT 2	22.10.2018	• <i>WPC not being given possession of the site or any part thereof in accordance with Clause 35.3.</i>	• <i>Possession of the site</i>	120	07.06.2019	05.10.2019
EOT 3	19.08.2019	• <i>WPC not being given possession of the site or any part thereof in accordance with Clause 35.3.</i>	• <i>Possession of the site</i>	178	05.10.2019	31.03.2020
JUMLAH				481		

Sumber: Sijil EOT

iii. Analisis Audit mendapati kontraktor memohon tiga (3) EOT kerana lewat mendapat kelulusan *EIA Report for Rock Blasting Activity* dan pemilikan tapak. Berdasarkan Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002 dan Perintah Perlindungan Alam Sekitar (Aktiviti Yang Ditetapkan) 2005, Laporan EIA hendaklah dikemukakan dan diluluskan oleh JPAS sebelum projek dimulakan. Bagaimanapun semakan Audit mendapati **Laporan EIA hanya dikemukakan oleh PDP kepada JPAS tiga (3) bulan selepas tarikh milik tapak pada 7 Disember 2016, iaitu pada 24 Mac 2017. Kelulusan EIA pula diperoleh pada 27 September 2017.**

Maklum balas PDP yang diterima pada 2 Disember 2019

Kelulusan EOT kepada kontraktor WP21 kerana kesilapan berlaku daripada pihak PDP yang lewat mendapatkan kelulusan EIA daripada JPAS.

e. Arahan Perubahan Kerja

- i. Klaus 15 kontrak dan Jadual K PDPA menetapkan setiap perubahan kerja daripada kontraktor perlu mendapat penilaian PDP terlebih dahulu sebelum dibentangkan dalam mesyuarat CCC untuk kelulusan. Selain itu bagi WP21, Klaus 22.1 CoC menetapkan PDPR boleh mengeluarkan Arahan Perubahan Kerja (APK) kepada WPC.
- ii. Semakan Audit mendapati CCC telah meluluskan sembilan (9) APK bagi WP21 sepanjang tahun 2019 seperti dalam **Jadual 13**. Analisis Audit mendapati tujuh (7) daripada sembilan (9) APK yang diluluskan melibatkan perubahan reka bentuk. Kelulusan APK ini menyebabkan 3.6% pengurangan kos projek berjumlah RM5.97 juta, menjadikan nilai terkini kos projek berjumlah RM159.07 juta. Semakan Audit selanjutnya juga mendapati kelulusan APK yang diberikan adalah wajar kerana melibatkan arahan oleh Kerajaan berhubung masalah pengambilan balik tanah dan perubahan reka bentuk.

JADUAL 13
ARAHAN PERUBAHAN KERJA BAGI WP21 JAJARAN LAHAD DATU BYPASS

BIL.	RUJUKAN APK	PERKARA	PENAMBAHAN/ (PENGURANGAN) NILAI SKOP KERJA (RM)	TARIKH KELULUSAN CCC
1.	BHP-WP21-VO-01	<i>Removal of additional existing structures within the ROW</i>	98,500	15.03.2019
2.	BHP-WP21-VO-02	<i>Additional 6.0m wide open channel and additional culvert at CH3+882, CH4+057 and CH14+134 and general revision of drainage</i>	(777,015)	15.03.2019
3.	BHP-WP21-VO-03	<i>Changes to U-turn to P-turn</i>	370,428	15.03.2019
4.	BHP-WP21-VO-04	<i>Activation of rate "Only Items" items (BQ item 6.1.2.3 & 6.1.2.4)</i>	(365,000)	15.03.2019
5.	BHP-WP21-VO-05	<i>Revision to the structural pavement design</i>	(5,964,215)	15.03.2019
6.	BHP-WP21-VO-06	<i>Additional load test for piling works</i>	211,500	13.05.2019
7.	BHP-WP21-VO-07	<i>Additional span for bridge</i>	152,701	15.03.2019
8.	BHP-WP21-VO-08	<i>To construct Additional Slit Trap</i>	60,507	15.03.2019
9.	BHP-WP21-VO-09	<i>Design revision to the bridge (CH1+200) and overpass bridge (CH0+475 & CH6+250</i>	243,974	15.03.2019
JUMLAH			(5,968,620)	

Sumber: Rekod Permohonan dan Kelulusan VO, PDP

Pendapat | Pentadbiran kontrak dilaksanakan dengan teratur, kecuali Audit | kontrak yang lewat ditandatangani.

5.2.5. Penilaian Kesan Alam Sekitar

- Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002 dan Perintah Perlindungan Alam Sekitar (Aktiviti Yang Ditetapkan) 2005 di bawah perkara 9(ii) dan 12(ii) menetapkan Laporan EIA hendaklah dikemukakan kepada JPAS sebelum projek dilaksanakan untuk kelulusan.
- Semakan Audit mendapati PDP telah mengemukakan Laporan EIA bagi WP21 kepada JPAS melalui surat bertarikh 24 Mac 2017 dan maklumat tambahan yang dikehendaki pada 16 Jun 2017, iaitu selepas tiga (3) bulan daripada tarikh milik tapak pada 7 Disember 2016. JPAS mengesahkan laporan tersebut telah mematuhi kehendak Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002 pada 27 September 2017.
- Semakan Audit selanjutnya mendapati PDP telah memantau kawalan alam sekitar di tapak dengan menyediakan *Environment Monitoring and Audit Report* dan *Environmental Monthly Report* setiap bulan. Bagaimanapun, **JPAS melalui surat bertarikh 6 Disember 2019 kepada kontraktor mendapati tiada sebarang Laporan Pematuhan Syarat-syarat Alam Sekitar telah dikemukakan sekurang-kurangnya setiap tiga (3) bulan sehingga projek tamat.**

- d. Selain itu, JPAS melalui surat bertarikh 8 Januari 2020 juga mendapati kontraktor tidak mematuhi perkara 5.5 Syarat-syarat Alam Sekitar mengenai kawalan bahan minyak dan toksik. Hal ini kerana tangki simpanan bahan minyak yang disediakan tidak terlindung daripada hujan. Kelemahan PDP memastikan kontraktor mematuhi undang-undang berkenaan menyebabkan pelaksanaan projek terdedah kepada risiko pencemaran alam sekitar.

Pendapat | Laporan EIA telah diluluskan dengan sewajarnya. Audit **Bagaimanapun, terdapat isu pematuhan syarat alam sekitar semasa pelaksanaan projek dan laporan pematuhan suku tahun yang tidak dikemukakan kepada JPAS mendedahkan projek kepada risiko pencemaran alam sekitar.**

5.2.6. Pelaksanaan Pembinaan bagi Projek Jajaran Lahad Datu Bypass

a. PDP Tidak Mengambil Alih Kerja

- i. Klausula 4.3 kontrak WP21 menetapkan WPC hendaklah mematuhi notis bertulis yang dikeluarkan oleh PDPR dalam tempoh tujuh (7) hari. Jika WPC gagal mematuhi, PDPR boleh mengambil alih sebahagian atau keseluruhan kerja. Klausula 45A CoC pula menyatakan jika WPC tidak layak mendapat EOT dan peratus kemajuan kerja adalah lewat berbanding jadual, PDPR hendaklah mengeluarkan notis dan WPC hendaklah mengambil langkah tambahan untuk mempercepatkan kerja.
- ii. Semakan Audit mendapati sepanjang tempoh kontrak, PDPR telah mengeluarkan 120 notis bertulis berkaitan enam (6) skop kerja yang lewat jadual seperti dalam **Jadual 14**. Notis pertama telah dikeluarkan pada bulan Mei 2017 berkenaan skop kerja *drainage*. Selain itu, bilangan notis yang tertinggi adalah bagi kerja *geotechnical* sebanyak 47 notis (39.2%), diikuti kedua tertinggi iaitu *bridge* sebanyak 30 notis (25%). Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati **sehingga tarikh penamatan perkhidmatan PDP pada 21 September 2019, kesemua 120 notis bertulis tersebut tidak dijawab oleh kontraktor**. Selain itu, tiada bukti yang menunjukkan langkah tambahan diambil oleh kontraktor untuk mempercepatkan kerja. Berdasarkan notis bertulis PDPR, analisis Audit mendapati kontraktor telah lewat melaksanakan enam (6) skop kerja antara 4 hingga 124 hari, iaitu lewat antara 9% hingga 100% daripada jadual yang dirancang.

JADUAL 14
**NOTIS BERTULIS YANG DIKELUARKAN OLEH PDPR KEPADA
 KONTRAKTOR BAGI PROJEK JAJARAN LAHAD DATU BYPASS**

BIL.	NOTIS BERTULIS			KEMAJUAN LEWAT JADUAL	
	SKOP KERJA	BIL.	TARIKH	HARI	PERATUS (%)
1.	<i>Landscaping</i>	2	Sept. 2017 dan Mei 2018	15 - 270	Tidak Dinyatakan
2.	<i>General</i>	2	Feb. 2018 dan Mei 2019	Tidak Dinyatakan	9
3.	<i>Geotechnical</i>	47	Ogos 2017 – Feb. 2019	96	Tidak Dinyatakan
4.	<i>Bridge</i>	30	Jun 2017 – Feb. 2019	Tidak Dinyatakan	19.0 - 93.2
5.	<i>Road</i>	8	Dis. 2018 – Feb. 2019	Tidak Dinyatakan	5.3 - 66.9
6.	<i>Drainage</i>	31	Mei 2017 – Feb. 2019	4 - 124	21.4 - 100
JUMLAH		120		4 - 124	9 - 100

Sumber: Notis Bertulis PDPR

- iii. Tambahan pula, PDP juga tidak menguatkuasakan Klaus 4.3 CoC apabila kontraktor gagal memberi maklum balas dalam tempoh yang ditetapkan. PDP sepatutnya boleh mengambil alih skop kerja yang telah lewat seawal bulan Mei 2017 apabila notis bertulis yang pertama dikemukakan kepada kontraktor tidak dijawab dan kerja telah lewat daripada jadual. Kegagalan PDP mengambil alih kerja menyumbang kepada kelewatan pelaksanaan kerja WP21.

Maklum balas PDP yang diterima pada 2 Disember 2019

PDP sentiasa mengeluarkan notis bertulis kepada WPC terhadap kerja yang lewat. Perkara berkaitan telah dibincang dengan WPC. Masalah kewangan dan kekurangan kakitangan menyumbang kepada kelewatan projek.

Pendapat | PDP tidak mengambil alih kerja berdasarkan syarat kontrak Audit | telah menjelaskan pelaksanaan kerja WP21.

b. Kualiti Kerja

- i. Kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan mengikut spesifikasi dan amalan kejuruteraan yang diterima umum. Lawatan dan pemeriksaan Audit telah dibuat bagi menilai sama ada kerja pembinaan yang sedang dilaksanakan di Jajaran Lahad Datu *Bypass* (WP21) telah mematuhi spesifikasi, berkualiti dan bahan binaan disimpan secara teratur.

- ii. Hasil lawatan dan pemeriksaan Audit mendapati kerja dan bahan binaan telah tidak dilindungi, tidak diletakkan di tempat penyimpanan yang sesuai dan tidak dibaiki seperti dalam **Jadual 15** dan **Gambar 1 hingga 5**. Berdasarkan minit mesyuarat tapak, kelemahan ini berlaku kerana masalah kewangan kontraktor untuk menyediakan pekerja dan mesin yang mencukupi menyebabkan pelaksanaan kerja terjejas. Kesannya, bahan binaan tidak dilindungi dan kerja pembinaan tidak dibaiki yang mana boleh menjaskan kualiti bahan binaan.

JADUAL 15
PEMERIKSAAN FIZIKAL AUDIT DI TAPAK WP21

BIL.	STANDARD SPECIFICATION FOR ROAD WORKS	KEADAAN FIZIKAL	KESAN
1.	<ul style="list-style-type: none"> PJ/2008-S9 JKR 20403-0004-08: Bahan binaan hendaklah diberikan perlindungan daripada sebarang kecacatan untuk menjamin kualiti. PJ/2008-S9 JKR 20403-0004-08: <i>Materials steel reinforcement</i> hendaklah disimpan di stor yang kering dan bersih. 	Besi tetulang T-Beam dan tetulang besi yang siap dikimpal dibiarkan terdedah, tidak diberi perlindungan dan tidak diletakkan di tempat penyimpanan yang sesuai seperti dalam Gambar 1 dan Gambar 2 .	Besi Tetulang T-Beam berkarat dan boleh menjaskan kualiti bahan binaan.
2.	PJ/2013-S2 JKR 21300-0046-13: Perlindungan sementara hendaklah diberikan bagi melindungi cerun daripada hakisan.	Cerun tidak diberi perlindungan sementara seperti dalam Gambar 3 .	Cerun terhakis dan runtuh.
3.	JKR/SPJ/2013-S3 JKR 21300-0057-14: Kerja pembinaan hendaklah bebas daripada air bertakung.	Air bertakung (<i>water ponding</i>) di dalam lubang pengorekan pembinaan seperti dalam Gambar 4 .	Struktur konkrit yang lemah boleh menjaskan kualiti bahan pembinaan.
4.	PJ/2008-S4JKR 20403-0003-07 <i>Standard Specification for Road Works Section 4: Kawasan yang rosak perlu dibaiki</i> .	Pemendapan (<i>settlement</i>) tanah pada lapisan <i>sub-base</i> tidak dibaiki seperti dalam Gambar 5 .	Menjejaskan lapisan turapan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 1



Lahad Datu Bypass (WP21)
- T-Beam Terdedah dan Tidak Diberikan Perlindungan Seperti Kanvas
(22.08.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



Lahad Datu Bypass (WP21)
- Tetulang Besi yang Siap Dikimpal Dibiarkan Terdedah dan Tidak Diletakkan di Tempat Penyimpanan yang Sesuai
(22.08.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3



Lahad Datu Bypass (WP21)
- Permukaan Cerun Tanah Tidak Diberi Perlindungan Sementara
(22.08.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



Lahad Datu Bypass (WP21)
- Air Bertakung (Water Ponding) dalam Lubang Pengorekan Pembinaan
(22.08.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 5

Lahad Datu Bypass (WP21)
- Lapisan Sub-Base Tidak Dibaiki
(22.08.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas PDP yang diterima pada 2 Disember 2019

PDP mempunyai prosedur dan polisi untuk memastikan kualiti kerja menepati spesifikasi. Kualiti kerja yang dinyatakan adalah masih dalam fasa pembinaan dan bukan produk siap.

c. Bilangan Mesin dan Pekerja Tidak Mencukupi

- i. Klausula 9 (*Obligations of Work Package Contractor*) kontrak menetapkan WPC hendaklah menyedia dan mengekalkan bilangan mesin dan pekerja yang mencukupi untuk menyiapkan kerja.
- ii. Semakan Audit mendapati, sepanjang tempoh kontrak PDPA kontraktor tidak menyediakan bilangan pekerja yang mencukupi. Analisis Audit mendapati **bagi tempoh bulan Mei 2017 hingga Julai 2019, WPC hanya membekalkan secara purata antara lapan (8) hingga 58 pekerja berbanding 61 hingga 67 pekerja yang ditetapkan, dengan peratus kehadiran pekerja bulanan antara 11.9% hingga 86.6%. Bilangan ini tidak mencukupi, iaitu kurang antara lima (5) hingga 59 pekerja.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 16.**

JADUAL 16
BILANGAN PEKERJA DI TAPAK WP21

BULAN	2017			2018			2019		
	JADUAL	SEBENAR	LEBIH/ (KURANG)	JADUAL	SEBENAR	LEBIH/ (KURANG)	JADUAL	SEBENAR	LEBIH/ (KURANG)
Januari				67	56	(11)	67	17	(50)
Februari				67	58	(9)	67	18	(49)
Mac				67	57	(10)	67	18	(49)
April				67	56	(11)	67	25	(42)
Mei	65	40	(25)	67	56	(11)	67	34	(33)
Jun	65	49	(16)	67	48	(19)	67	36	(31)
Julai	65	50	(15)	67	39	(28)	67	43	(24)
Ogos	61	56	(5)	67	39	(28)			
September	67	51	(16)	67	39	(28)			
Oktober	66	51	(15)	67	8	(59)			
November	66	53	(13)	67	9	(58)			
Disember	67	54	(13)	67	13	(54)			

Sumber: Laporan Kemajuan Bulanan WP21

iii. Semakan Audit selanjutnya juga mendapati jumlah mesin yang dibekalkan oleh kontraktor tidak mencukupi sepanjang tempoh kontrak. Analisis Audit mendapati, **bagi tempoh bulan Mei 2017 hingga Julai 2019 kontraktor telah membekalkan mesin secara purata antara 20 hingga 135 mesin sahaja berbanding 128 hingga 131 yang diperlukan.** Peratus pembekalan mesin bulanan adalah dalam julat 15.5% hingga 70.8% kecuali bagi bulan Julai dan Ogos 2017 peratus pembekalan mesin adalah masing-masing 100.8% dan 105.5%. Bilangan ini secara purata kurang daripada keperluan yang ditetapkan antara 38 hingga 110 mesin dan menyebabkan kerja lewat disiapkan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 17.**

JADUAL 17
BILANGAN SEBENAR MESIN DISEDIAKAN BERBANDING JADUAL

TAHUN/ BULAN	2017			2018			2019		
	JADUAL	SEBENAR (PURATA)	LEBIH/ (KURANG)	JADUAL	SEBENAR (PURATA)	LEBIH/ (KURANG)	JADUAL	SEBENAR (PURATA)	LEBIH/ (KURANG)
Januari				130	69	(61)	130	45	(85)
Februari				130	72	(58)	130	34	(96)
Mac				130	62	(68)	130	20 (15.4%)	(110)
April				130	48	(82)	130	31	(99)
Mei	128	70	(58)	130	45	(85)	130	57	(73)
Jun	130	83	(47)	130	50	(80)	131	60	(71)
Julai	130	131 (100.8%)	1	130	35	(95)	131	76	(55)

TAHUN/ BULAN	2017			2018			2019		
	JADUAL	SEBENAR (PURATA)	LEBIH/ (KURANG)	JADUAL	SEBENAR (PURATA)	LEBIH/ (KURANG)	JADUAL	SEBENAR (PURATA)	LEBIH/ (KURANG)
Ogos	128	135 (105.5%)	7	130	46	(84)			
September	130	70	(60)	130	32	(98)			
Oktober	130	92 (70.8%)	(38)	130	33	(97)			
November	130	70	(60)	130	32	(98)			
Disember	130	73	(57)	130	36	(94)			

Sumber: Laporan Kemajuan Bulanan WP21

- iv. Berdasarkan minit mesyuarat tapak, PDP telah memberikan teguran kepada kontraktor kerana kegagalan membekalkan pekerja dan mesin yang mencukupi telah menyebabkan kemajuan kerja yang perlahan. Maklum balas oleh kontraktor menyatakan keadaan ini adalah disebabkan kelewatan menerima bayaran kemajuan kerja daripada PDP yang menjelaskan aliran kewangan syarikat dan memberi kesan kepada kelewatan kerja untuk disiapkan.

Maklum balas PDP yang diterima pada 2 Disember 2019

WPC tidak mengalami masalah menyediakan mesin dan pekerja pada tujuh (7) bulan pertama namun mengalami masalah kewangan kerana lewat menerima pembayaran.

Pendapat Audit | Pengurusan pembinaan Jajaran Lahad Datu *Bypass* adalah tidak cekap. Hal ini kerana PDP tidak mengambil tindakan segera membuat pengambilalihan kerja atau tindakan lain yang dibenarkan di bawah PDPA dan tidak menguruskan dengan baik bahan binaan yang ditinggalkan di tapak bina. Selain itu, kelewatan pembayaran kemajuan kerja juga telah menjelaskan aliran tunai kewangan WPC yang telah memberi kesan kepada kelancaran pelaksanaan projek.

5.2.7. Pemantauan

Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bertanggungjawab memastikan pemantauan dijalankan oleh PDP dan ICE bagi memastikan projek ini diurus dengan baik dan teratur. PDP bertanggungjawab memantau pelaksanaan projek sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Pemantauan Projek oleh Kerajaan Negeri

i. Jawatankuasa Eksekutif

- Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) telah ditubuhkan untuk memantau, menyelaras dan menyelesaikan sebarang isu yang timbul dalam pelaksanaan projek ini. Keahlian jawatankuasa ini adalah seperti dalam **Jadual 18**. Mengikut Klausa 12.2 kontrak, PDP dikehendaki menyediakan laporan secara berkala kepada EXCO. Selain itu berdasarkan Jadual E (*Site Possession Schedule*), EXCO dikehendaki menyelesaikan isu berkenaan tanah.

JADUAL 18
JAWATANKUASA EKSEKUTIF (EXCO)

BIL.	AHLI	AGENSI
1.	Pengerusi	Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
2.	Urus Setia	Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah
3.	Ahli	Kementerian Kerja Raya
4.		Perbendaharaan Malaysia
5.		Unit Perancang Ekonomi
6.		Peguam Negara
7.		Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah
8.		Kementerian Kewangan Negeri Sabah
9.		Jabatan Bendahari Negeri Sabah
10.		Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah
11.		JKR Sabah
12.		Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah
13.		Jabatan Tanah dan Ukur Sabah
14.		PDP

Sumber: Mesyuarat ECXO Bil. 1 Tahun 2016

- Semakan Audit mendapati, sepanjang tempoh kontrak PDPA EXCO telah bermesyuarat sebanyak enam (6) kali. Antara perkara yang dibincangkan adalah status kemajuan pelaksanaan dan isu pengambilan balik tanah bagi keseluruhan projek serta masalah yang dihadapi oleh PDP. Walaupun isu pengambilan balik tanah ada dibincangkan dalam setiap mesyuarat EXCO, namun begitu didapati isu ini masih menjadi punca utama kepada kelewatan dalam pelaksanaan kerja oleh WPC.

ii. Jawatankuasa Kawalan Kos/Perubahan (CCC)

- Klaus 12.3 dan Jadual K PDPA menetapkan fungsi utama CCC adalah untuk mengawal kos dan jadual Projek LPBS bagi memastikan KPI dapat dicapai oleh PDP. Pengurus CCC adalah Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Infrastuktur Sabah dan ahli tetap CCC adalah wakil dari KKR. Berdasarkan minit mesyuarat pra-pembentukan CCC bertarikh 29 Ogos 2016, CCC perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali.
- Semakan Audit mendapati CCC telah ditubuhkan pada 2 September 2016. Sepanjang tempoh kontrak PDPA, CCC telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali dalam tahun 2017, sekali dalam tahun 2018 dan tujuh (7) kali dalam tahun 2019 berbanding sekurang-kurangnya sebulan sekali seperti yang ditetapkan.
- Analisis Audit selanjutnya terhadap minit mesyuarat mendapati CCC telah membincangkan perkara yang ditetapkan dalam Terma Rujukan (TOR) penubuhannya. Antara perkara yang dibincangkan adalah status kemajuan kerja, perbelanjaan yang telah dibuat termasuk kos pengambilan balik tanah, kos keseluruhan, tuntutan bayaran balik, arahan perubahan kerja dan masalah yang dihadapi oleh PDP.
- Surat PDP kepada PD bertarikh 31 Januari 2019 menyatakan bagi tempoh tahun 2017 sehingga 2018, sebanyak 26 *Variation Order* (VO) bagi kesemua 12 WP telah dikemukakan kepada CCC untuk kelulusan. Bagaimanapun, sehingga bulan Januari 2019 CCC tidak bermesyuarat untuk meluluskan VO tersebut yang memberi kesan kepada kelewatan pelaksanaan projek oleh WPC.

Maklum balas PDP yang diterima pada 2 Disember 2019

Mesyuarat EXCO perlu lebih kerap bagi menyelesaikan masalah dan bersetuju mesyuarat CCC diadakan setiap bulan untuk membincangkan isu berkaitan perubahan kerja dan EOT.

b. Pemantauan Projek oleh JKR

- i. Merujuk kepada Minit Mesyuarat CCC Bilangan 1 Tahun 2017, dimaklumkan bahawa pihak JKR telah mewujudkan tiga (3) jawatankuasa kecil iaitu Jawatankuasa Pemantauan Projek LPBS, Jawatankuasa Pengambilan Tanah dan Jawatankuasa Utiliti yang dipengerusikan oleh Pengarah JKR. Setiap jawatankuasa tersebut akan bermesyuarat setiap bulan dan turut dihadiri

- oleh para *stakeholders* termasuk wakil JTU Sabah, Pejabat Hasil Bumi, pegawai undang-undang KPI, pemilik utiliti dan pihak yang berkaitan.
- ii. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Pemantauan Projek LPBS telah mengadakan mesyuarat sebanyak 26 kali sepanjang tempoh tahun 2016 hingga 2019. Antara perkara yang dibincangkan adalah mengenai status kemajuan keseluruhan 12 projek yang sedang dilaksanakan.
 - iii. Jawatankuasa Pengambilan Tanah hanya mula bermesyuarat pada tahun 2017. Bagi tempoh 2017 hingga 2019, sebanyak 31 mesyuarat telah diadakan bagi membincangkan mengenai pengambilan balik, pampasan dan masalah dihadapi berkaitan tanah.
 - iv. Jawatankuasa Utiliti telah bermesyuarat 32 kali sepanjang tempoh tahun 2016 hingga 2019 bagi membincangkan status dan masalah yang dihadapi dalam kerja pengalihan utiliti.

Maklum balas PDP yang diterima pada 2 Disember 2019

Pemantauan oleh JKR telah diadakan bersesuaian dengan keperluan projek.

Maklum balas JKR Sabah yang diterima pada 25 November 2019

JKR telah ambil langkah proaktif melalui Mesyuarat Pemantauan Bulanan dan telah memberikan PDP peringatan. Tanggungjawab PDP untuk pastikan KPI yang ditetapkan dalam perjanjian tercapai.

c. Pemantauan Projek oleh PDP

- i. Klausula 6.2(c) PDPA menyatakan mengenai kewajipan PDP untuk memastikan kerja pembinaan yang dilaksanakan oleh WPC adalah mengikut Jadual Projek. Pemantauan serta pelaporan mengenai kemajuan di semua peringkat hendaklah dikemukakan kepada PD.
- ii. Semakan Audit mendapati PDP ada menghantar Laporan Kemajuan Bulanan kepada PD. Antara kandungan laporan termasuk Ringkasan Eksekutif, status kemajuan fizikal dan kewangan projek, status pengambilan tanah, pengurusan risiko serta gambar kemajuan kerja.
- iii. Semakan Audit juga mendapati sebanyak 33 Mesyuarat Kemajuan Bulanan dan 52 Mesyuarat Teknikal telah diadakan bagi WP21 sepanjang tahun 2017 hingga 2019. Selain itu, pihak kontraktor WP21 juga ada menyediakan Laporan Harian Tapak yang disahkan oleh PDP. Laporan tersebut merekodkan bilangan harian pekerja dan mesin dibekalkan serta aktiviti yang dijalankan di tapak pada hari berkenaan.

- iv. Lawatan Audit pada 21 Ogos 2019 mendapati projek WP21 telah dilaksanakan lewat daripada jadual. Temubual Audit dengan pengurus projek mendapati *catch-up plan* telah disediakan untuk mengatasi kelewatan kerja di tapak. Bagaimanapun, *catch-up plan* yang disediakan tidak lengkap kerana tidak memperuntukkan bilangan mesin, pekerja dan masa untuk mengatasi kelewatan. Selain itu, tiada bukti yang menunjukkan kemajuan kerja di tapak telah dipantau berdasarkan *catch-up plan* yang disediakan. Perkara ini menyebabkan kelewatan kerja di tapak tidak dapat diatasi.
- v. Tambahan pula, masalah komunikasi dan koordinasi antara Pegawai Pengguna, PDP, JTU Sabah dan agensi lain berkaitan menyebabkan isu berbangkit seperti pengambilan tanah dan lain-lain juga tidak dapat diselesaikan. Kesannya, kelewatan kerja di tapak tidak dapat diatasi dan projek lewat dilaksanakan.

Maklum balas PDP yang diterima pada 2 Disember 2019

PDP sentiasa memantau pelaksanaan kerja WPC. Mesyuarat telah diadakan setiap dua (2) minggu untuk memantau keadaan di tapak dan menyediakan *catch up plan* yang lebih terperinci. PDP maklum WPC mengalami masalah kewangan menyebabkan kerja di tapak sukar mengikut perancangan. *Catch up plan* oleh WPC pada 8 April 2019 membolehkan pemantauan terperinci dilakukan oleh PDP secara mingguan dan PDP telah memberikan notis peringatan kepada WPC sekiranya kerja tidak mengikut jadual.

Pendapat Audit | **Pemantauan terhadap pelaksanaan Projek LPBS ada dibuat dan perkara berkaitan pelaksanaan projek ada dibincangkan. Bagaimanapun, pemantauan di semua peringkat kurang cekap kerana tindakan tidak diambil untuk mengambil alih kerja walaupun kemajuan fizikal telah ketinggalan. Di samping itu, masalah pengambilan balik tanah juga gagal diselesaikan menyebabkan kelewatan pelaksanaan projek tidak dapat ditangani dengan berkesan.**

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Pengauditan yang dilaksanakan pada bulan Julai 2019 sehingga Disember 2019 merumuskan bahawa pembinaan Projek Lebuhraya Pan Borneo di Negeri Sabah bagi Jajaran Lahad Datu *Bypass* yang dilaksanakan oleh PDP tidak keseluruhan diurus dengan cekap dan berkesan dari segi pelaksanaan dan pemantauan. Pemantauan yang lemah menyebabkan pembinaannya tidak mencapai objektif ditetapkan. Kelemahan

yang ditemui adalah daripada segi keputusan untuk menawarkan tender terhad di kalangan 10 syarikat yang tidak memenuhi kriteria pemilihan. Akibatnya kontraktor yang tidak berkeupayaan telah dipilih, tindakan tidak diambil walaupun kontraktor tidak mematuhi syarat kontrak, terdapat isu pengambilan balik tanah yang tidak selesai dan pemantauan yang kurang berkesan. Secara keseluruhannya, perkara ini telah menjelaskan pencapaian KPI PDP daripada aspek tempoh penyiapan Projek LPBS.

7. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang dalam pelaksanaan projek pada masa akan datang, adalah disyorkan kepada pihak yang terlibat untuk mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- 7.1. KKR, JKR dan JTU Sabah hendaklah merangka pelan penyelesaian bagi memastikan urusan pengambilan balik tanah seperti hak milik, pampasan dan isu berkaitan tanah diselesaikan berdasarkan Seksyen 3 Ordinan Pengambilan Tanah sebelum pemilihan kontraktor, agar masalah pengambilan balik tanah tidak menjadi sebab kelewatan projek;
- 7.2. KKR hendaklah memastikan kontraktor yang dipilih untuk pakej kerja yang belum ditawarkan pada masa akan datang menepati kriteria pemilihan yang ditetapkan seperti berkemampuan daripada segi kewangan, keupayaan teknikal, pemilikan jentera dan mesin serta berpengalaman dalam kerja pembinaan berkaitan jalan raya. Ini bertujuan agar projek dapat dilaksanakan dengan lancar tanpa masalah yang berpunca daripada kelemahan kontraktor sendiri, yang akan menyumbang kepada kelewatan penyiapan projek;
- 7.3. JKR Sabah sebagai Pegawai Penguasa selepas Projek LPBS diambil alih pada bulan Disember 2019 perlu mengkaji, mengenal pasti dan mengambil tindakan terhadap kontraktor untuk mengatasi punca-punca kelewatan pelaksanaan kerja di tapak. Tindakan hendaklah diambil berdasarkan kontrak terhadap punca kelewatan yang dikenal pasti seperti kekurangan mesin, kekurangan pekerja, tidak mematuhi program kerja dan tidak memberi maklum balas kepada notis bertulis; dan
- 7.4. KKR hendaklah menambah baik proses bayaran agar kontraktor dapat dibayar dalam tempoh yang ditetapkan bagi melancarkan pelaksanaan projek dan tidak menjelaskan aliran kewangan kontraktor.



JABATAN KERJA RAYA SARAWAK

- Projek ***Kick Off Naik Taraf Jalan Simpang Nyabau, Bintulu ke Simpang Bakun di bawah Projek Pembangunan dan Naik Taraf Lebuhraya Pan Borneo Sarawak***

**KEMENTERIAN KERJA RAYA
JABATAN KERJA RAYA SARAWAK**
**PROJEK KICK OFF NAIK TARAF JALAN SIMPANG
NYABAU, BINTULU KE SIMPANG BAKUN DI BAWAH**
PROJEK PEMBANGUNAN DAN NAIK TARAF
LEBUHRAYA PAN BORNEO SARAWAK

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Projek *Kick Off* Naik Taraf Jalan Simpang Nyabau, Bintulu ke Simpang Bakun (Projek *Kick Off*) sepanjang 43 kilometer (km) merupakan sebahagian daripada projek pembangunan dan naik taraf Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak. Projek pembinaan ini melibatkan kerja menaik taraf Jalan Simpang Nyabau, Bintulu ke Simpang Bakun daripada dua (2) lorong dua (2) hala kepada empat (4) lorong dua (2) hala dengan standard jalan piawaian R5.
- Prestasi projek dinilai berdasarkan pencapaian output dan pencapaian *outcome* projek.
- Pengurusan projek pula dinilai berdasarkan sembilan (9) perkara iaitu pencapaian kewangan, pemindahan teknologi, pelantikan kontraktor, pentadbiran kontrak, pengambilan balik tanah, prestasi kewangan pengambilan balik tanah, pengurusan kawalan alam sekitar, pengurusan pembinaan dan pemantauan projek.
- Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak, Pejabat JKR Wilayah Utara, Jabatan Tanah dan Survei (JTS) Sarawak serta pejabat tapak di Bintulu, Sarawak.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pelaksanaan projek ini dapat menangani masalah kesesakan jalan raya dan memberi keselesaan perjalanan serta keselamatan kepada pengguna jalan raya dengan peningkatan tahap *Level of Service* (LOS).

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, pelaksanaan Projek *Kick Off* Naik Taraf Jalan Simpang Nyabau, Bintulu ke Simpang Bakun di bawah Projek Naik Taraf Lebuhraya Pan Borneo telah diuruskan dengan memuaskan. Projek ini siap pada 18 Disember 2018 dengan lanjutan masa sebanyak 780 hari. Namun begitu, *outcome* keseluruhan projek belum dapat dinilai.
- Selain itu, terdapat kelemahan dalam pentadbiran kontrak yang perlu diberi perhatian seperti berikut:
 - Kelemahan dalam pengurusan Bon Pelaksanaan yang mana kontraktor lewat mendepositkan jaminan bank Bon Pelaksanaan dua (2) bulan daripada tarikh Surat Setuju Terima.

- Kelemahan dalam polisi insurans yang mana tempoh polisi insurans yang diambil oleh kontraktor atas nama Kerajaan dan kontraktor tidak meliputi tempoh keseluruhan projek dilaksanakan.
- Kelemahan dalam pengurusan pembinaan yang melibatkan spesifikasi kerja awam dan elektrik. Kelemahan tersebut ialah kedudukan *gabion mattress* berada dalam keadaan yang tidak stabil dan sebahagiannya telah runtuh, pemasangan paip pembetungan *unplasticized Polyvinyl Chloride* (uPVC) tidak diikat, tiada pembumian menggunakan konduktor dari tiang ke rod bumi serta tiada bukaan disediakan untuk kabel.
- Kelemahan pengurusan personel untuk Pengarah Projek di mana tujuh (7) personel tidak disediakan sepenuhnya sepanjang tempoh projek dan menjaskankan keberkesanan pemantauan projek.

KEMENTERIAN KERJA RAYA JABATAN KERJA RAYA SARAWAK

1. PROJEK *KICK OFF* NAIK TARAF JALAN SIMPANG NYABAU, BINTULU KE SIMPANG BAKUN DI BAWAH PROJEK PEMBANGUNAN DAN NAIK TARAF LEBUHRAYA PAN BORNEO SARAWAK

FAKTA UTAMA PROJEK *KICK OFF* NAIK TARAF JALAN SIMPANG NYABAU, BINTULU KE SIMPANG BAKUN

43 km	30 Bulan	RM637.75 Juta
<ul style="list-style-type: none">Jarak dari Jalan Simpang Nyabau, Bintulu ke Simpang Bakun	<ul style="list-style-type: none">Tempoh kontrak untuk menyiapkan kerja, iaitu bermula 30 April 2015 hingga 29 Oktober 2017	<ul style="list-style-type: none">Kos asal kontrak
Kementerian Kerja Raya (KKR)	Sumber kewangan adalah melalui peruntukan pembangunan KKR	
Agensi Pelaksana	JKR Sarawak	
Pengarah Projek (PD)	Pengurus Wilayah, Pejabat JKR Wilayah Utara	
Pejabat JKR Wilayah Utara	Bahagian yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan Projek <i>Kick Off</i> Naik Taraf Jalan Simpang Nyabau, Bintulu ke Simpang Bakun	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Projek *Kick Off* Naik Taraf Jalan Simpang Nyabau, Bintulu ke Simpang Bakun (Projek *Kick Off*) sepanjang 43 kilometer (km) merupakan sebahagian daripada projek pembangunan dan naik taraf Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak. Projek ini telah diluluskan pada tahun 2014 oleh Kerajaan Persekutuan untuk *Rolling Plan Keempat* (RP4). Jalan yang terlibat adalah sebahagian daripada jalan utama dari Bandar Bintulu ke Bandaraya Miri bermula dari persimpangan Batu 5 ke persimpangan Bakun.

1.2. Projek pembinaan ini melibatkan kerja menaik taraf Jalan Simpang Nyabau, Bintulu ke Simpang Bakun daripada dua (2) lorong dua (2) hala kepada empat (4) lorong dua (2) hala dengan standard jalan piawai R5. Standard jalan piawai R5 adalah lebuhraya/jalan utama luar bandar dengan had laju maksimum 100 km sejam, kawalan akses separa dan lebar lorong minima 3.5 meter. Tujuan projek ini dilaksanakan adalah untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas dan menambah baik jalan bagi memberi keselesaan kepada pengguna.

1.3. Projek ini dilaksanakan secara reka dan bina oleh Syarikat 930689-H yang dilantik secara rundingan terus dengan kos projek berjumlah RM637.75 juta. Setakat 31 Disember 2019, sejumblah RM595.88 juta (99.9%) telah dibelanjakan daripada RM596.10 juta peruntukan yang diterima. Agensi pelaksana bagi projek ini adalah Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak. Selain itu Pengurus Wilayah, Pejabat JKR Wilayah Utara pula dilantik sebagai Pengarah Projek (PD). Projek yang dilancarkan pada 31 Mac 2015 bermula pada 30 April 2015 dengan tarikh siap asal pada 29 Oktober 2017.


1.4. Maklumat ringkas mengenai projek ini adalah seperti dalam **Jadual 1** manakala pelan lokasi adalah seperti dalam **Rajah 1**.

JADUAL 1
BUTIRAN PROJEK KICK OFF NAIK TARAF
JALAN SIMPANG NYABAU, BINTULU KE SIMPANG BAKUN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN
1.	Nombor Kontrak	PWD/HO/B024/2015
2.	Skop Projek	1. Kerja Cerucuk 2. Kerja Tanah 3. Kerja Geoteknikal 4. Kerja Perparitan 5. Jalan Raya 6. Perabot Jalan 7. Kerja Jambatan 8. Penyenggaraan Berkala 9. Lampu Jalan dan Lampu Isyarat
3.	Pengarah Projek (PD)	Pengurus Wilayah, Pejabat JKR Wilayah Utara
4.	Jenis Perolehan	Rundingan Terus
5.	Kaedah Pelaksanaan	Reka dan Bina
6.	Harga Kontrak	RM637.75 juta
7.	Kontraktor	Syarikat 930689-H
8.	Tarikh Surat Setuju Terima (SST)	30 Mac 2015
9.	Tarikh Kontrak Ditandatangani	29 April 2015
10.	Tarikh Milik Tapak	30 April 2015
11.	Tempoh Kontrak	30 Bulan (30 April 2015 hingga 29 Oktober 2017)
12.	Tarikh Siap Asal Kontrak	29 Oktober 2017
13.	Lanjutan Masa (EOT)	780 hari
14.	Tarikh Siap Sebenar	18 Disember 2019

Sumber: JKR Sarawak

RAJAH 1
PELAN LOKASI PROJEK KICK OFF



Sumber: JKR Sarawak

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek telah diurus dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan, iaitu menaik taraf jalan raya dari Jalan Simpang Nyabau, Bintulu ke Simpang Bakun daripada dua (2) lorong dua (2) hala kepada empat (4) lorong dua (2) hala dengan standard jalan piawaian R5.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi projek dan pengurusan projek. Prestasi projek dinilai berdasarkan dua (2) perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian *outcome* projek. Pengurusan projek pula meliputi sembilan (9) perkara iaitu pencapaian kewangan, pemindahan teknologi, pelantikan kontraktor, pentadbiran kontrak, pengambilan balik tanah, prestasi kewangan pengambilan balik tanah, pengurusan kawalan alam sekitar, pengurusan pembinaan dan pemantauan projek.

3.2. Skop pengauditan ini meliputi kerja naik taraf bagi Jalan Simpang Nyabau, Bintulu ke Simpang Bakun sepanjang 43 km. Pengauditan ini mengambil kira pembinaan bagi tahun 2015 hingga 2019. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat JKR Sarawak, Pejabat JKR Wilayah Utara, Jabatan Tanah dan Survei (JTS) Sarawak serta pejabat tapak di Bintulu, Sarawak.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail serta menganalisis data berkaitan projek. Selain itu, lawatan Audit ke tapak projek dijalankan pada 5 hingga 7 Ogos 2019 bersama pegawai teknikal Jabatan Audit Negara, pegawai JKR Sarawak, kontraktor dan perunding. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang terlibat juga diadakan bagi mendapatkan penjelasan lanjut mengenai projek serta isu Audit yang berbangkit.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Jun hingga Ogos 2019. Perkara yang ditemui dan maklum balas daripada JKR Sarawak serta JTS Sarawak telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup (*Exit Conference*) pada 15 Januari 2020. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti dalam perenggan berikut:

5.1. Prestasi Projek

5.1.1. Pencapaian Output Projek

- a. Mengikut Klausula 1.1(e) kontrak dan SST, tempoh kontrak adalah selama 30 bulan bermula 30 April 2015 hingga 29 Oktober 2017. Komponen projek yang perlu disiapkan dalam tempoh tersebut adalah kerja cerucuk, kerja tanah, geoteknikal, perparitan, jalan raya, perabot jalan, kerja jambatan, penyenggaraan berkala, lampu jalan dan lampu isyarat.
- b. Semakan Audit mendapati projek **telah disiapkan dalam tempoh lanjutan masa yang diluluskan, iaitu pada tarikh siap baharu 18 Disember 2019 dan Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan pada 20 Disember 2019. Selain itu, komponen projek telah dibina dengan memuaskan mengikut spesifikasi pembinaan dan kos adalah tidak melebihi harga asal kontrak.**
- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati antara penyebab kepada kelewatan selama 780 hari ini adalah halangan kerja termasuk isu tanah melibatkan kelewatan selama 295 hari. Selain itu, keadaan cuaca tidak menentu menyebabkan kelewatan 19 hari, perkhidmatan saluran paip sementara selama 186 hari, tambahan simpang kecil selama 163 hari dan pengalihan semula paip selama 117 hari.

Pendapat Audit | **Projek ini disiapkan dalam tempoh lanjutan yang dibenarkan dengan memuaskan.**

5.1.2. Pencapaian Outcome

- a. Mengikut justifikasi projek, naik taraf Jalan Simpang Nyabau, Bintulu ke Simpang Bakun dilaksanakan berikutan jalan sedia ada berada pada *Level of Service* (LOS) D dan dijangka mencapai LOS F pada tahun 2017. Keadaan tersebut menjadi rungutan serta rasa tidak puas hati orang ramai terutama dari segi keselamatan jalan raya. LOS merupakan satu ukuran kualitatif yang digunakan untuk menentukan kualiti perkhidmatan lalu lintas bagi kenderaan bermotor dengan kategori LOS A sehingga F. Menurut Laporan *Road Traffic Volume Malaysia* (RTVM) Tahun 2013, Komposisi Lalu Lintas 16 Jam Mengikut Jenis Kenderaan, Trafik Waktu Puncak dan Tahap Perkhidmatan (Purata 2013) adalah seperti dalam **Jadual 2**. LOS D menunjukkan aliran trafik mulai tidak stabil manakala LOS F adalah aliran trafik sangat terhad dan dalam keadaan tidak bergerak serta masa perjalanan tidak dapat diramalkan.

JADUAL 2
**KOMPOSISI LALU LINTAS 16 JAM MENGIKUT JENIS KENDERAAN,
 TRAFIK WAKTU PUNCAK DAN TAHAP PERKHIDMATAN (PURATA 2013)**

NOMBOR STESEN	16 JAM TRAFIK (BIL.)	JENIS KENDERAAN (%)						TRAFIK WAKTU PUNCAK (BIL.)	LOS
		KERETA DAN TEKSI	VAN DAN PENGANGKUTAN AWAM	LORI MUATAN SEDERHANA	LORI MUATAN BERAT	BAS	MOTOSIKAL		
SR402	9,139	35.9	31.5	8.5	16.1	2.0	6.0	841	D

Sumber: JKR Sarawak

- b. Semakan Audit mendapati Projek *Kick Off* belum dapat dinilai setakat tarikh pengauditan kerana projek ini hanya disiapkan pada 18 Disember 2019. Pihak Audit dimaklumkan pembentangan draf *Outcome Based Assessment* 2019 telah dibentangkan oleh Pejabat JKR Wilayah Utara kepada JKR Sarawak pada 24 Jun 2020 tetapi masih belum dimuktamadkan.

Pendapat Audit | ***Outcome projek masih belum dapat dinilai untuk memastikan tahap LOS meningkat kepada satu tahap yang lebih baik daripada sebelumnya.***

5.2. Pengurusan Projek

5.2.1. Pencapaian Kewangan

- a. Dalam pelaksanaan projek, sumber kewangan merupakan antara salah satu input yang digunakan untuk menghasilkan output (pencapaian fizikal projek) bagi mencapai *outcome* yang telah disasarkan.
- b. Semakan Audit mendapati kos projek adalah berjumlah RM637.75 juta. Sumber kewangan adalah melalui Peruntukan Pembangunan Kementerian Kerja Raya (KKR) (P27), yang disalurkan kepada JKR Wilayah Utara. Perbelanjaan setakat bulan Disember 2019 adalah berjumlah RM595.88 juta atau 99.9% daripada jumlah peruntukan yang diterima iaitu RM596.10 juta. Butiran pencapaian sebenar kewangan berbanding output projek setakat bulan Disember 2019 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN SEHINGGA DISEMBER 2019

BUTIRAN	TAHUN (RM Juta)					JUMLAH (RM Juta)
	2015	2016	2017	2018	2019	
Peruntukan Diterima	15.00	90.13	173.56	162.44	154.97	596.10
Perbelanjaan	15.00	90.07	173.54	162.43	154.84	595.88
Peratusan Perbelanjaan Daripada Peruntukan Diterima (%)	100	99.9	99.9	99.9	99.9	99.9

Sumber: JKR Sarawak

Pendapat | **Pencapaian kewangan projek adalah baik kerana kos Audit sebenar projek tidak melebihi harga kontrak.**

5.2.2. Pelantikan Kontraktor

- a. Perenggan 17(ii)(1) 1PP PK2.1 (Kaedah Perolehan Kerajaan) berkaitan Tatacara Perolehan dan Pengurusan Projek Secara Reka dan Bina menetapkan projek reka dan bina hendaklah dilaksanakan secara tender terbuka melalui proses pra-kelayakan bagi memastikan hanya kontraktor yang berkelayakan dan berkeupayaan sahaja dipelawa menyertai tender.
- b. Semakan Audit mendapati projek ini dilaksanakan secara reka dan bina serta rundingan terus. Pelaksanaan projek ini adalah berikutan kelulusan secara prinsip oleh Jemaah Menteri pada 17 September 2014 mengenai pelaksanaan Projek Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak oleh Syarikat 930689-H. KKR telah mengeluarkan Surat Niat kepada Syarikat 930689-H pada 9 Disember 2014 memaklumkan Kerajaan Malaysia melalui JKR Malaysia berhasrat melantik syarikat ini untuk melaksanakan Projek *Kick Off* secara rundingan terus melalui kontrak reka dan bina. Surat Niat dikeluarkan dengan merujuk kepada keputusan Kementerian Kewangan (MoF) bertarikh 24 November 2014 dan Mesyuarat Koordinasi di Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri pada 29 September 2014.
- c. Semakan Audit mendapati surat MoF kepada KKR pada 24 November 2014 memaklumkan tiada halangan pelaksanaan projek oleh Syarikat 930689-H dengan anggaran kos berjumlah RM578 juta dibiayai melalui Peruntukan Pembangunan RMKe-10 selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 17 September 2014. Bagaimanapun, MoF menetapkan syarat supaya KKR memastikan harga dirundingkan ke paras terendah yang menguntungkan Kerajaan dan diperakuan oleh Lembaga Perolehan A serta dikemukakan kepada MoF untuk dimuktamadkan. Sehubungan itu, satu (1) Makmal Pengurusan Nilai telah diadakan pada 6 hingga 9 Januari 2015. Kos projek yang dicadangkan daripada hasil makmal tersebut adalah berjumlah RM658.57 juta, iaitu melebihi daripada anggaran kos berjumlah RM578 juta. Sehubungan itu, mesyuarat khas pasca makmal pada 19 Januari 2015 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KKR, memutuskan supaya KKR dan JKR Sarawak mengadakan rundingan lanjut dengan Syarikat 930689-H bagi mendapatkan kos yang lebih munasabah.
- d. Selaras dengan keputusan mesyuarat khas pasca makmal, dua (2) mesyuarat rundingan harga telah diadakan pada 5 dan 9 Februari 2015. Semasa dua (2) mesyuarat tersebut diadakan, tawaran harga JKR Sarawak masing-masing

berjumlah RM546.44 juta dan RM584.71 juta manakala tawaran harga oleh Syarikat 930689-H adalah RM699.63 juta dan RM681.31 juta. Tiada persetujuan bersama diperoleh mengenai harga kontrak dalam kedua-dua mesyuarat ini. Pada 16 Mac 2015, Syarikat 930689-H telah mengeluarkan surat pengesahan mengenai persetujuan pihaknya untuk menyemak semula tawaran harga kontrak daripada RM681.31 juta kepada RM637.75 juta, iaitu pengurangan harga berjumlah RM43.56 juta.

- e. Semakan Audit selanjutnya mendapati pada 24 Mac 2015, MoF telah meluluskan perakuan Lembaga Perolehan A KKR bagi projek ini dengan harga kontrak berjumlah RM637.75 juta. Selaras dengan kelulusan MoF, **JKR Sarawak yang dilantik oleh KKR sebagai wakil Head of Project Team telah mengeluarkan SST pada 30 Mac 2015 dengan harga kontrak berjumlah RM637.75 juta dan tempoh kontrak selama 30 bulan mulai 30 April 2015 hingga 29 Oktober 2017.**
- f. Pada 29 Mei 2015, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah meluluskan permohonan KKR berhubung peruntukan tambahan bagi projek ini daripada RM578 juta kepada RM637.75 juta dalam *Rolling Plan Keempat, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RP4, RMKe-10) Tahun 2015*. Oleh kerana peruntukan RP4, RMKe-10 telah dimuktamadkan, KKR perlu menampung kos tambahan ini dengan melaksanakan penyelarasan dalam siling KKR yang sedia ada.

Pendapat | Perolehan pelantikan kontraktor adalah memuaskan kerana Audit | mengikut prosedur yang ditetapkan.

5.2.3. Pentadbiran Kontrak

Pentadbiran kontrak hendaklah dilaksanakan mengikut syarat kontrak yang ditetapkan bagi memastikan pembinaan sesuatu projek mencapai piawaian serta kualiti yang ditetapkan. Aspek pentadbiran kontrak yang disemak meliputi tempoh kontrak disempurnakan; Bon Pelaksanaan; polisi insurans; levi; pengurusan pelanjutan masa; dan pengurusan bayaran interim:

a. Bon Pelaksanaan

- i. Mengikut dokumen kontrak Klaus 10.1 *Standard Form of Design and Build Contract PWD Form DB* (Rev.1/2010), sebelum memulakan sesuatu kerja kontraktor hendaklah mendepositkan dengan Kerajaan Bon Pelaksanaan kerja dalam bentuk yang dinyatakan dalam kontrak. Bon Pelaksanaan kerja

tersebut hendaklah dikeluarkan oleh bank berlesen atau institusi kewangan yang diluluskan dan diperbadankan di Malaysia. Jumlah yang ditetapkan adalah 5% daripada jumlah kontrak untuk menjamin prestasi selaras dengan kewajipan kontraktor di bawah kontrak ini.

- ii. Semakan Audit mendapati kontraktor telah mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam bentuk jaminan bank rujukan 306PG090336 bernilai RM31.89 juta bertarikh 10 Julai 2015 dan tamat pada 29 November 2020, iaitu bagi tempoh 64 bulan 20 hari. Bagaimanapun, mengikut SST tempoh liputan Bon Pelaksanaan yang ditetapkan adalah 67 bulan dan hendaklah dikemukakan sebelum kerja dimulakan di tapak projek. Mengikut ketetapan SST, kerja hendaklah dimulakan dua (2) minggu selepas tarikh milik tapak pada 30 April 2015. Hal ini menunjukkan **jaminan bank telah lewat dikemukakan selama lebih dua (2) bulan daripada tarikh milik tapak**. Kesan kelewatian ini menyebabkan kerja yang dilaksanakan dalam tempoh tersebut tidak mempunyai jaminan sekiranya kontraktor gagal melaksanakan obligasinya.
- iii. Dokumen kontrak Klausula 10.1 *Standard Form of Design and Build Contract PWD Form DB (Rev.1/2010)* juga menetapkan, Bon Pelaksanaan hendaklah berkuatkuasa dari tarikh dikeluarkan sehingga 12 bulan selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan atau Sijil Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan, yang mana lebih lewat. Semakan Audit mendapati tarikh siap projek yang telah disemak semula selepas Kelulusan Kelewatan dan Lanjutan Masa kali ke lapan (8) adalah pada 18 Disember 2019. Hal ini bermakna 12 bulan dari tarikh tamat tempoh tanggungan kecacatan selepas Kelulusan Kelewatan dan Lanjutan Masa kali ke lapan (8) diluluskan adalah 18 Disember 2022. Semakan Audit mendapati tempoh liputan jaminan bank telah dilanjutkan daripada 30 November 2020 kepada 18 Disember 2022 pada 10 Disember 2019 selepas teguran Audit.

Pendapat | Pengurusan Bon Pelaksanaan adalah kurang memuaskan Audit | kerana bon tersebut lewat dikemukakan daripada tarikh milik tapak.

b. Polisi Insurans

- i. Mengikut dokumen kontrak Klausula 11.1 *Standard Form of Design and Build Contract PWD Form DB (Rev.1/2010)*, kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan kontraktor, menginsuranskan kerugian dan kerosakan

akibat kemalangan, bencana, rusuhan dan kekecohan awam terhadap semua kerja yang dilaksanakan dan bahan di tapak. Nilai insurans adalah nilai penuh kerja dan bahan di tapak serta kos reka bentuk (termasuk amaun yang dinyatakan dalam kontrak). Tempoh insurans hendaklah meliputi keseluruhan tempoh siap kerja dan tertakluk kepada pembatalan sebahagian daripada insurans yang dibenarkan di bawah Kontrak ini atau pendudukan sebahagian oleh kerajaan.

- ii. Semakan Audit mendapati kontraktor telah mengemukakan polisi insurans bagi *Construction and Erection All Risk Q5-CAR-2909121* dan *Workmen's Compensation Q5-WCI-2909214* dengan bayaran premium masing-masing berjumlah RM0.96 juta dan RM54,112. Tempoh liputan polisi insurans adalah mulai tarikh 20 Mac 2015 hingga 30 September 2017, iaitu tidak mengikut tarikh siap asal projek pada 29 Oktober 2017.
- iii. Semakan lanjut Audit mendapati audit dalaman yang dijalankan oleh Bahagian Kualiti JKR Sarawak pada 9 Oktober 2015 telah mengeluarkan laporan ketidakpatuhan mengenai tempoh insurans yang tidak meliputi keseluruhan tempoh siap kerja. Punca ketidakpatuhan yang dilaporkan adalah kerana kontrak tidak ditandatangani pada masa yang ditetapkan. Tindakan pembetulan telah dibuat pada 10 Ogos 2016 dan tempoh liputan insurans adalah mulai 20 Mac 2015 hingga 29 Oktober 2017.
- iv. Semakan Audit selanjutnya mendapati **lanjutan polisi insurans Contractor's All Risks** dan **Workmen's Compensation** ada dikemukakan dengan tempoh sah bermula pada 30 Oktober 2017 hingga 23 Ogos 2019. Bagaimanapun, **lanjutan tempoh insurans yang dibuat tidak meliputi keseluruhan tempoh siap kerja** seperti dalam **Jadual 4**. Perkara ini berlaku disebabkan kelemahan dalam pengurusan polisi insurans.

JADUAL 4

CONTRACTOR'S ALL RISKS DAN WORKMEN'S COMPENSATION YANG DIKEMUKAKAN

TARIKH LANJUTAN POLISI DIKELUARKAN	CONTRACTOR'S ALL RISKS	TARIKH LANJUTAN POLISI DIKELUARKAN	WORKMEN'S COMPENSATION	TEMPOH TIDAK DILIPUTI INSURANS
	TEMPOH LIPUTAN		TEMPOH LIPUTAN	
19.10.2017	30.10.2017 - 20.08.2018	06.10.2017	30.10.2017 - 20.08.2018	21.08.2018 - 02.12.2018
13.12.2018	03.12.2018 - 28.02.2019	13.12.2018	03.12.2018 - 28.02.2019	29.02.2019 - 13.03.2019
10.04.2019	14.03.2019 - 23.08.2019	09.04.2019	14.03.2019 - 23.08.2019	24.08.2019 - 18.12.2019

Sumber: JKR Sarawak

Maklum balas JKR Sarawak yang diterima pada 5 Disember 2019

Polisi insurans bagi *Construction and Erection All Risk* dan *Workmen's Compensation* telah diperbaharui pada 19 November 2019 dan dilanjutkan sehingga 18 Disember 2019.

Pendapat Audit | Pengurusan polisi insurans adalah kurang memuaskan kerana tempoh dari 21 Ogos hingga 2 Disember 2018, 29 Februari hingga 13 Mac 2019 dan 24 Ogos hingga 18 Disember 2019 tidak diliputi oleh polisi insurans semasa projek dilaksanakan.

c. Kelewatan dan Lanjutan Masa (EOT)

- i. Klausula 49.1 *Standard Form of Design and Build Contract PWD Form DB (Rev.1/2010)* menyatakan setelah menjadi jelas bahawa kemajuan kerja ditangguhkan, kontraktor hendaklah dengan segera mengemukakan notis secara bertulis kepada PD mengenai sebab kelewatan dan informasi berkaitan yang disertakan bersama dokumen sokongan bagi pegawai berkenaan memberi pendapat mengenai sebab dan tempoh kelewatan.
- ii. *Addendum no. 1 to the conditions of contract PWD Form DB* (Rev. 1/2010), Klausula 49 – Sub Clause 49.1(c) menyatakan keadaan cuaca yang sangat buruk hendaklah dianggap merangkumi keadaan yang disebabkan oleh jerebu dan hujan.
- iii. Semakan Audit terhadap fail projek mendapati sebanyak lapan (8) lanjutan masa (EOT) melibatkan 780 hari telah diluluskan kepada kontraktor. Analisis Audit mendapati alasan kelewatan berdasarkan permohonan EOT adalah munasabah. Tarikh siap baharu setelah kelulusan EOT 8 ialah pada 18 Disember 2019. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
BILANGAN HARI MOHON DAN LULUS LANJUTAN MASA (EOT)

EOT	PERKARA	BILANGAN HARI LULUS
No. 1	Halangan Kerja <ul style="list-style-type: none"> • Struktur sedia ada dalam lingkungan Hak Lalu-Lalang • Tanaman dalam lingkungan Hak Lalu-Lalang 	100
No. 2	Halangan Kerja <ul style="list-style-type: none"> • Struktur sedia ada dalam lingkungan Hak Lalu-Lalang • Tanaman dalam lingkungan Hak Lalu-Lalang 	195
No. 3	Cuaca Buruk No.1 <ul style="list-style-type: none"> • Meliputi tempoh 28 Julai 2016 hingga 27 Ogos 2017 	19
No. 4	Perkhidmatan Saluran Air Sementara <ul style="list-style-type: none"> • Proses permohonan kelulusan bagi saluran air sementara dari pihak berkuasa mengambil masa yang panjang 	85

EOT	PERKARA	BILANGAN HARI LULUS
No. 5	Perkhidmatan Saluran Air Sementara (Permohonan Kali ke 2) • Proses permohonan kelulusan bagi saluran air sementara dari pihak berkuasa mengambil masa yang panjang	85
No. 6	Perkhidmatan Saluran Air Sementara (Permohonan Kali ke 3 - Final) • Proses permohonan kelulusan bagi saluran air sementara dari pihak berkuasa mengambil masa yang panjang	16
No. 7	Tambahan Persimpangan Kecil • Dimohon oleh penduduk tempatan	163
No. 8	Penjajaran semula paip air di kawasan jambatan yang dimohon oleh Jabatan Bekalan Air Luar Bandar	117
JUMLAH		780

Sumber: JKR Sarawak

Maklum balas JKR Sarawak yang diterima pada 5 Disember 2019

- i. Sebanyak dua (2) EOT merangkumi 295 hari (EOT 1 dan 2) diluluskan bawah Klaus 49.1(i) PWD Form DB (Rev.1/2010) – Kelewatan Disebabkan Pembinaan.
- ii. Bagi EOT 3 sejumlah 19 hari telah diluluskan bawah Klaus 49.1(c) PWD Form DB (Rev.1/2010) – Kelewatan Disebabkan Cuaca. EOT 4, 5, 6 dan 8 pula diluluskan bawah Klaus 49.1(f) PWD Form DB (Rev.1/2010) – Kelewatan Disebabkan Kebenaran atau Kelulusan oleh Pihak Berkuasa Di Mana Kontraktor Telah Mengambil Langkah Sewajarnya Untuk Mengelakkan Kelewatan.
- iii. EOT 7 pula diluluskan bawah Klaus 49.1(f) PWD Form DB (Rev.1/2010) – Kelewatan Disebabkan Arahan PD.
- iv. Semua EOT tersebut diluluskan oleh Jawatankuasa EOT di Ibu Pejabat JKR Sarawak.

Pendapat | Permohonan dan kelulusan EOT telah dilaksanakan selaras Audit | dengan peraturan sedia ada dan teratur.

5.2.4. Pengambilan Balik Tanah

- a. Tanah yang dikenal pasti untuk tujuan pembangunan mestilah diluluskan oleh Majlis Perancangan Negeri. Kelulusan ini sah untuk tempoh 24 bulan seperti yang digariskan dalam Bab VIII, Dasar Tanah di Sarawak.
- b. Kuasa untuk menjalankan pengambilan balik tanah untuk tujuan awam diperuntukkan dalam Bahagian IV (Seksyen 45 hingga 79) bagi tanah berhakmilik dan Seksyen 5, 6(4) dan 15 di bawah Kanun Tanah Negeri (Bab 81)

untuk penamatan tanah hak adat Bumiputera. Pengambilan balik tanah untuk tujuan awam adalah seperti yang didefinisikan di bawah Seksyen 46 Kanun Tanah Negeri (Bab 81).

- c. Seksyen 47 atau 48 membenarkan agensi pelaksana memasuki tapak untuk menjalankan penyiasatan di lapangan bagi mengenal pasti kesesuaian tanah untuk tujuan tersebut. Di bawah Seksyen 60(1)(a) Kanun Tanah Negeri (Bab 81), tarikh penilaian adalah berdasarkan kepada tarikh perwartaan Seksyen 47 atau 48 yang mana lebih awal.
- d. Semakan Audit mendapati Majlis Perancangan Negeri telah meluluskan permohonan pertapakan dalam mesyuaratnya pada 24 September 2014. Pelan jajaran dan peruntukan telah diterima masing-masing pada 18 Disember 2014 dan 23 Disember 2014. Proses pengambilan balik tanah akan dijalankan dalam tempoh yang lazim iaitu selama enam (6) bulan setelah pelan jajaran dan peruntukan diterima.
- e. Berdasarkan rekod daripada JTS Sarawak, penyerahan tapak bagi 44 km jajaran Projek *Kick Off* telah diselesaikan dalam tempoh enam (6) bulan iaitu pada 16 Jun 2015. Selain itu, lima (5) lot yang tertinggal telah diselesaikan sebulan kemudian, iaitu pada 14 Julai 2015 setelah masalah diselesaikan oleh pihak JTS Sarawak. Bagaimanapun pada masa penyerahan, jajaran masih belum dikosongkan sepenuhnya. Keseluruhan jajaran hanya bebas sepenuhnya daripada halangan pada tarikh pengosongan jajaran terakhir yang dilaksanakan pada 27 Julai 2016. Butiran prestasi penyerahan adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PRESTASI PENYERAHAN TAPAK

BIL.	PERKARA	TARIKH
1.	Pengambilan Balik Tanah Sepatutnya Selesai [dalam tempoh enam (6) bulan]	23 Jun 2015
2.	Serah Tapak 12 km Pertama (kawasan <i>priority</i> seperti dipersetujui bagi maksud pelancaran pakej Projek <i>Kick Off</i> oleh YAB Perdana Menteri)	17 Mac 2015
3.	Serah Tapak 32 km Seterusnya	16 Jun 2015
4.	Serah Tapak 5 Lot Tertinggal	14 Julai 2015
5.	Tarikh Operasi Penguatkuasaan	27 Oktober 2015 (Mula) 26 – 27 Julai 2016 (Berakhir)

Sumber: JTS Sarawak

- f. Semakan Audit mendapati sebanyak 634 Notis Pengosongan (NTQ) kepada pemilik bangunan/struktur yang terlibat telah dikeluarkan pada bulan Ogos 2015. Pemilik diberi tempoh sehingga bulan September 2015 untuk berpindah dan mengosongkan tapak yang diduduki.

g. Operasi penguatkuasaan bermula pada bulan Oktober 2015 dan mengambil masa sehingga 12 bulan daripada tarikh penyerahan tapak dilaksanakan. Tempoh yang diambil selama 12 bulan untuk mengosongkan jajaran sepenuhnya telah memberi kesan kepada jadual pelaksanaan projek. Pihak kontraktor telah memohon lanjutan masa selama 295 hari bagi tempoh 30 April 2015 hingga 27 Julai 2016 dengan menyatakan halangan di tapak menyebabkan kerja tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual.

Maklum balas JTS Sarawak yang diterima pada 9 Disember 2019

- i. Jabatan Tanah dan Survei Sarawak telah melaksanakan kajian dan bincian awal semasa proses pengambilan balik tanah menunjukkan:
 - jajaran sepanjang 23.925 km (54.8%) daripada keseluruhan jajaran 43.675 km adalah bebas bebanan (*free of encumbrances*); dan
 - baki jajaran sepanjang 19.750 km (45.2%) dikenal pasti mempunyai bebanan berupa struktur/bangunan. Jumlah struktur/bangunan yang direkodkan adalah sebanyak 689 melibatkan 284 struktur/bangunan kediaman dan 405 struktur/bangunan bukan kediaman.
- ii. Notis pengosongan tapak telah dikeluarkan secara berperingkat selepas proses pengambilan balik tanah diselesaikan. Notis terakhir telah tamat pada 10 September 2015.

Pendapat | Pengambilan balik tanah bagi projek ini telah dilaksanakan Audit dengan sewajarnya.

5.2.5. Prestasi Kewangan Pengambilan Balik Tanah

- a. Menurut carta aliran kerja untuk pengambilan balik tanah yang dikeluarkan oleh JTS Sarawak dalam Manual Pengambilan Balik Tanah, pembayaran pampasan hendaklah diselesaikan sebelum Jabatan/klien boleh memasuki tapak untuk memulakan kerja pembangunan. Kos keseluruhan pengambilan balik tanah setakat bulan Disember 2019 adalah berjumlah RM33.78 juta seperti dalam **Jadual 7**.

**JADUAL 7
KOS KESELURUHAN PENGAMBILAN BALIK TANAH PROJEK *KICK OFF***

KEGUNAAN	JUMLAH (RM)
Bayaran Pampasan Tanah	19,513,777
Bayaran <i>Ex-gratia</i>	13,664,488
Kos Penilaian	21,965
Kos Kerja Ukur	578,121
JUMLAH	33,778,351

Sumber: JTS Sarawak

- b. Penyerahan tapak kepada JKR Sarawak telah dilaksanakan pada bulan Mac, Jun serta Julai 2015 dan kontraktor telah mula memasuki tapak pada 30 April 2015. Pembayaran pampasan dan *ex-gratia* dibuat pada bulan April 2015, Julai 2015 sehingga bulan April 2017. Hal ini bermakna pemilik tanah dan penduduk berkaitan masih belum menerima pampasan dan *ex-gratia* semasa kontraktor memasuki tapak dan memulakan kerja pembangunan. Perkara ini boleh menyebabkan halangan timbul di tapak sebanyak 295 hari iaitu EOT No.1 dan No.2 yang telah diluluskan.

Maklum balas JTS Sarawak yang diterima pada 9 Disember 2019

- i. Berdasarkan praktis semasa di JTS Sarawak, selepas *Award* Penguasa bagi Tanah Berhakmilik/Keputusan Penguasa bagi Tanah Hak Adat Bumiputera dikeluarkan, arahan pembayaran (*Minutes of Payment*) kepada Seksyen Akaun JTS Sarawak akan dibuat.
- ii. Pada masa yang sama Cawangan Penilaian akan menyediakan surat cara *Memorandum of Resumption* (MOR) di bawah Seksyen 54 Kanun Tanah Negeri (sekiranya melibatkan tanah Berhakmilik) untuk tindakan Seksyen Pendaftaran. Penyerahan tapak kepada jabatan klien akan dibuat selepas kesemua proses ini selesai.
- iii. Proses penyerahan tapak kepada Jabatan/klien tidak bergantung kepada tarikh pembayaran atau penyerahan cek pampasan kepada pemilik/penuntut tanah.

Pendapat Audit | **Pembayaran pampasan adalah kurang memuaskan kerana proses pembayaran tidak diselesaikan sebelum kerja dimulakan di tapak.**

5.2.6. Pengurusan Kawalan Alam Sekitar

- a. Mengikut dokumen kontrak Klaus 71, *Standard Form of Design and Build Contract PWD Form DB* (Rev.1/2010), sekiranya kontraktor dikehendaki di bawah *Environmental Quality Act 1974* untuk menjalankan *Environment Impact Assessment Report* (EIA) yang berkaitan dengan kerja, kontraktor hendaklah mematuhi semua undang-undang yang berkaitan khususnya *Environmental Quality Act 1974* dan polisi Kerajaan yang telah ditetapkan dalam syarat kelulusan Laporan EIA.
- b. Kerajaan mengakui bahawa pematuhan dengan syarat persetujuan Laporan EIA harus memenuhi perkara ditetapkan dan memberi pertimbangan sewajarnya terhadap pemeliharaan dan implikasi sosial terhadap kualiti air, udara, tanah serta flora dan fauna di lokasi kerja.

- c. Semakan Audit mendapati peruntukan berjumlah RM2.89 juta telah dimasukkan dalam kontrak bagi melaksanakan kerja pemantauan dan perlindungan terhadap alam sekitar. Antara kerja tersebut termasuk penyediaan *Environmental Management Plan*, *Erosion and Sediment Control Plan* serta *Environmental Report*. Peruntukan ini juga bagi pelaksanaan kerja pemantauan terhadap kawalan kualiti air, udara, bunyi bising, pengurusan bahan buangan serta pemuliharaan flora dan fauna.
- d. Semakan lanjut Audit mendapati perkara seperti berikut:

i. Penilaian Kesan Alam Sekitar

Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) telah meluluskan Terma Rujukan EIA pada 23 Januari 2015 dan memberi kebenaran untuk meneruskan Kajian EIA bagi projek tersebut dengan mengambil kira perkara yang dibincangkan dalam minit *Scoping Meeting* antara NREB, kontraktor dan perunding bertarikh 24 Disember 2014. Antara perkara dibincangkan ialah mengenai ahli pasukan perunding, GPS koordinat bagi lokasi pensampelan, jadual pelaksanaan kerja dan kaji selidik trafik. Laporan EIA telah diluluskan oleh NREB pada 25 Mac 2015.

ii. Pelan Pengurusan Alam Sekitar serta Pelan Kawalan Hakisan dan Mendapan

Pelan Pengurusan Alam Sekitar yang dikemukakan kepada NREB pada 16 Julai 2015 mendapat persetujuan pada 9 September 2015. Menurut surat kelulusan tersebut, kontraktor dikehendaki menambah sampel air daripada Sungai Sebiew No.1, Sungai Sebiew No.2, Sungai Sebiew No.3 dan Sungai Similajau untuk ujian kualiti air. Hal ini adalah kerana projek merentasi Bintulu *Water Catchment* dan Similajau *Water Catchment*. Pelan Kawalan Hakisan dan Mendapan (ESCP) pula telah diluluskan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak pada 16 Februari 2016. Semakan Audit terhadap laporan pemantauan bulanan dan suku tahunan mendapati ujian telah dilakukan terhadap sampel air yang diambil daripada lapan (8) lokasi iaitu kawasan hulu dan hilir setiap sungai tersebut.

iii. Laporan Pemantauan Alam Sekitar

- Berdasarkan laporan *Environmental Management Plan* (EMP) dan keperluan oleh NREB, pemantauan terhadap kualiti air, udara dan bunyi perlu dijalankan setiap tiga (3) bulan sekali dan laporan pemantauan alam sekitar [*Environment Management Report* (EMR)] dikemukakan kepada NREB setiap suku tahun.

- Semakan Audit mendapati sejumlah 44 EMR telah dikeluarkan bermula dari bulan April 2015 sehingga bulan Jun 2019. **Berdasarkan minit mesyuarat tapak dan EMR bagi tempoh 2016 hingga Februari 2019 dilaporkan kualiti air di lapan (8) lokasi tidak mematuhi kelas IIB Standard Kualiti Air Negara Malaysia seperti dalam **Jadual 8**.**

JADUAL 8
KUALITI AIR TIDAK MEMATUHI KELAS IIB
STANDARD KUALITI AIR NEGARA MALAYSIA

TARIKH PEMANTAUAN	KUALITI AIR MELEBIHI TAHAP DITETAPKAN DALAM EIA	LOKASI
07.01.2016	<i>Ammonical Nitrogen, Total Coliform Count, Faecal Coliform Count dan Oil and Grease</i>	<i>W1 (upstream and downstream) W2 (upstream and downstream) W3 (upstream and downstream) W4 (upstream and downstream)</i>
8.09.2016 hingga 10.09.2016	<i>Total Suspended Solid, Turbidity dan Ammonical Nitrogen, Oil and Grease</i>	<i>W1 (upstream and downstream) W2 (upstream and downstream) W3 (upstream and downstream) W4 (upstream and downstream)</i>
17.04.2017 hingga 19.04.2017	<i>Turbidity, Dissolved Oxygen, Ammonical Nitrogen, Total Coliform Count, Faecal Coliform Count dan Oil and Grease</i>	<i>W1 (upstream and downstream) W2 (upstream and downstream) W3 (upstream and downstream) W4 (upstream and downstream)</i>
26.07.2017 hingga 29.07.2017	<i>Total Suspended Solid, Turbidity, Dissolved Oxygen, Chemical Oxygen Demand, Ammonical Nitrogen, Total Coliform Count, Faecal Coliform Count dan Oil and Grease</i>	<i>W1 (upstream and downstream) W2 (upstream and downstream) W3 (upstream and downstream) W4 (upstream and downstream)</i>
08.10.2018 hingga 10.10.2018	<i>Total Suspended Solid, Turbidity, Dissolved Oxygen, Ammonical Nitrogen, Total Coliform Count, Faecal Coliform Count dan Oil and Grease</i>	<i>W1 (upstream and downstream) W2 (upstream and downstream) W3 (upstream and downstream) W4 (upstream and downstream)</i>
18.02.2019 hingga 20.02.2019	<i>Dissolved Oxygen, Chemical Oxygen Demand, Total Coliform Count, Faecal Coliform Count dan Oil and Grease</i>	<i>W1 (upstream and downstream) W2 (upstream and downstream) W3 (upstream and downstream) W4 (upstream and downstream)</i>

Sumber: JKR Sarawak

Nota: W1 – Jambatan Sungai Sebiew No. 1
 W2 – Jambatan Sungai Sebiew No. 3
 W3 – Jambatan Sungai Similajau
 W4 – Jambatan Sungai Sebiew No. 2

- Perkara ini berlarutan sehingga bulan Mac 2019 seperti dalam EMR. Oleh itu, perunding telah mengesyorkan PD untuk memastikan amalan tadbir urus yang baik dilaksanakan terutamanya di tebing sungai. Laporan EMR bagi bulan Jun 2019 menunjukkan kualiti air bertambah baik dan memuaskan di Sungai Sebiew dan Sungai Similajau.

Maklum balas JKR Sarawak yang diterima pada 5 Disember 2019

Ketidakpatuhan pada kualiti air yang terjadi bukan 100% disebabkan kegiatan pembinaan semata-mata tetapi turut disumbangkan oleh populasi penduduk yang sedia ada di sepanjang kawasan pembinaan. Walau bagaimanapun, tindakan telah diambil untuk mengurangkan masalah tersebut seperti pemasangan perangkap

lumpur (*silt trap*), pemasangan pagar bagi mengurangkan air aliran permukaan (*silt fence*), pemasangan *Geotextile* di permukaan cerun dan guni pasir serta pemasangan *gabion mattress* untuk semua sungai bagi mengelakkan berlakunya ketidakstabilan cerun dan penambahbaikan kepada kualiti air.

Pendapat | Kawalan terhadap pengurusan alam sekitar sepanjang projek Audit dilaksanakan adalah baik.

5.2.7. Pengurusan Pembinaan

5.2.7.1. Tahap Kualiti Kerja/Bahan Binaan

a. Skop Awam

- i. Mengikut Keperluan Kontrak dan Am, kontraktor bertanggungjawab penuh untuk kefungsian, kesesuaian, keserasian dan keselamatan reka bentuk bagi kecukupan, kestabilan serta keselamatan semua operasi tapak dan kaedah pembinaan.
- ii. Pemeriksaan Audit di Jambatan Sebiew 1 mendapati **kedudukan *gabion mattress* berada dalam keadaan tidak stabil dan sebahagiannya telah roboh dan kerja penggantian tidak dibuat** seperti dalam **Gambar 1** hingga **Gambar 3**.

GAMBAR 1



GAMBAR 2



Jambatan Sebiew 1
- Sebahagian *Gabion Mattress* Telah Roboh dan Kerja Penggantian Tidak Dibuat
(06.08.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 3

Jambatan Sebiew 1
- Sebahagian *Gabion Mattress* Telah Roboh
(06.08.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

iii. Mengikut Lukisan Pembinaan, pemasangan paip pembentungan uPVC hendaklah diikat pada struktur. Pemeriksaan Audit mendapati **pemasangan paip pembentungan uPVC tidak diikat dengan galvanised mildsteel strap pada struktur konkrit** seperti dalam **Gambar 4** dan **Gambar 6**. Tindakan pembetulan selepas teguran Audit telah diambil seperti dalam **Gambar 5** dan **Gambar 7**.

GAMBAR 4



Jambatan Similajau
- Pemasangan Paip Pembentungan uPVC
Tidak Diikat Pada Struktur Konkrit
(06.08.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 5



Jambatan Similajau
- Tindakan Pemasangan Paip Pembentungan
uPVC Pada Struktur Konkrit
(21.01.2020)
(Sumber: JKR Sarawak)

GAMBAR 6



Jambatan Similajau
- Pemasangan Paip Pembentungan uPVC
Tidak Diikat Pada Struktur Konkrit
(06.08.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 7



Jambatan Similajau
- Pemasangan Paip Pembentungan uPVC Telah Dibuat
(21.01.2020)
(Sumber: JKR Sarawak)

iv. Semakan oleh Pasukan Teknikal Jabatan Audit Negara (JAN) mendapati **kualiti kerja pembinaan yang dibangkitkan berpunca daripada metodologi pemasangan dan penanggalan kekotak tidak dipatuhi mengikut spesifikasi, aliran air sungai yang deras menghakis tebing serta ketidakpatuhan kepada lukisan pembinaan.**

Maklum balas JKR Sarawak yang diterima pada 15 Jun 2020

Kerja pembaikan *gabion mattress* telah dilaksanakan seperti gambar berikut:

GAMBAR 8



GAMBAR 9



Jambatan Sebiew 1


- Kerja Penggantian *Gabion Mattress* Telah Dibuat
(05.03.2020)
- (Sumber: JKR Sarawak)

Pendapat Audit | Kualiti kerja pembinaan adalah kurang memuaskan kerana masih terdapat kelemahan dalam kerja skop awam.

b. Skop Elektrik

- Menurut Peraturan Elektrik, 1999 (Swk. L.N. 84/99) Klaus 150-(1) Pemasangan hendaklah dikekalkan dalam keadaan baik dan berkesan dan langkah berjaga-jaga. Keselamatan perlu dipatuhi sepanjang masa untuk mengelakkan bahaya.
- Pemeriksaan Audit di semua empat (4) jambatan mendapati di Jambatan Sebiew 1, tiada bukaan (*pipe sleeve*) disediakan untuk kabel yang menembusi jambatan ke tiang lampu. Hal ini akan menyukarkan penyenggaraan kerana ruang untuk laluan kabel yang dibuka pada jambatan telah ditampal bersama dengan kabel tersebut seperti dalam **Gambar 10**. Tindakan pembetulan telah dibuat selepas teguran Audit seperti dalam **Gambar 11**.

GAMBAR 10



- Jambatan Sebiew 1
- Tiada Bukaan (*Pipe Sleeve*) Disediakan untuk Kabel yang Menembusi Jambatan ke Tiang Lampu
(06.08.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)


GAMBAR 11



- Jambatan Sebiew 1
- Bukaan (*Pipe Sleeve*) Disediakan untuk Kabel yang Menembusi Jambatan ke Tiang Lampu
(05.12.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iii. Menurut *Sarawak Energy Overhead Constructional Manual Section 10, Page 4* Every steel pole shall be earthed with an earth rod prior to footing resistance test.
- iv. Selain itu, tiada pembumian menggunakan konduktor dari tiang ke rod bumi (yang ditanam dalam tanah) di lokasi *HT Pole (TC7 0814)* seperti dalam **Gambar 12**. Ketiadaan pembumian pada tiang ini akan menyebabkan arus bocor tidak dapat dialirkan ke bumi dan seterusnya risiko renjatan elektrik kepada pengguna. Tindakan pemberian yang telah dibuat selepas teguran Audit adalah seperti dalam **Gambar 13**.

GAMBAR 12



HT Pole (TC7 0814)
 - Tiada Pembumian Menggunakan
 Konduktor dari Tiang ke Rod Bumi
 - yang Ditanam dalam Tanah
 (06.08.2019)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 13



HT Pole (TC7 0814)
 - Tindakan Pembumian Menggunakan
 Konduktor dari Tiang ke Rod Bumi
 - yang Ditanam dalam Tanah
 (05.12.2019)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

- v. Keadaan ini berpunca daripada ketidakpatuhan terhadap peraturan elektrik semasa pelaksanaan kerja.

Pendapat | Kualiti kerja pembinaan adalah kurang memuaskan kerana Audit | masih terdapat kelemahan dalam kerja skop elektrik.

5.2.8. Pemantauan Projek

Bagi projek reka dan bina, kontraktor melantik perunding dalam bidang tertentu untuk menjalankan kajian awal, menyediakan cadangan reka bentuk projek dan menyelia pelaksanaan projek. Pengurus Wilayah, JKR Wilayah Utara dilantik sebagai PD dan bertanggungjawab untuk memantau projek ini.

a. Personel Untuk Pengarah Projek

- i. Mengikut Klausula 17.29(d)(ii) Keperluan Am dan Kontrak, kontraktor hendaklah menyediakan personel di tapak untuk PD di sepanjang tempoh projek. Tempoh projek mulai tarikh milik tapak pada 30 April 2015 sehingga maklumat yang dikemukakan untuk pengauditan ini pada 30 Jun 2019

adalah selama 50 bulan. Tujuh (7) personel yang sepatutnya disediakan oleh kontraktor adalah dua (2) Jurutera Awam, satu (1) Jurutera Elektrik, dua (2) Juruteknik Awam dan dua (2) Pembantu Pejabat. Jumlah pemberat (bulan) yang perlu dipenuhi oleh kontraktor bagi tujuh (7) personel untuk tempoh projek adalah 350 bulan.

- ii. Semakan Audit terhadap maklumat personel **sehingga 30 Jun 2019 mendapat, kontraktor telah menyediakan personel selama 257.4 bulan daripada 350 bulan iaitu 73.5%. Baki 92.6 bulan lagi iaitu 26.5% tidak disediakan personel oleh kontraktor berikutan peletakan jawatan dan jawatan belum diisi pada awal pelaksanaan projek.** Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9.**

**JADUAL 9
TEMPOH PERSONEL YANG TIDAK DISEDIAKAN
OLEH KONTRAKTOR DARI 30 APRIL 2015 HINGGA 30 JUN 2019**

JAWATAN	TEMPOH PERSONEL DISEDIAKAN	TEMPOH PERSONEL TIDAK DISEDIAKAN	TEMPOH TIDAK DISEDIAKAN (Bulan)
1. Jurutera Awam 1	(Tidak Disediakan) 19.10.2015 - 01.08.2017 01.11.2017 - 30.06.2018 01.08.2018 - 30.06.2019	30.04.2015 - 18.10.2015 02.08.2017 - 31.10.2017 01.07.2018 - 31.07.2018 -	5.6 3 1 0
JUMLAH TEMPOH (A) TIDAK DISEDIAKAN			9.6
2. Jurutera Awam 2	(Tidak Disediakan) 15.10.2015 - 29.12.2016 01.03.2017 - 01.04.2017 01.08.2017 - 31.07.2018 01.12.2018 - 30.06.2019	30.04.2015 - 14.10.2015 30.12.2016 - 28.02.2017 02.04.2017 - 31.07.2017 01.08.2018 - 30.11.2018 -	5.5 2 4 4 0
JUMLAH TEMPOH (B) TIDAK DISEDIAKAN			15.5
3. Jurutera Elektrik	(Tidak Disediakan) 15.09.2016 - 31.08.2018	30.04.2015-14.09.2016 01.09.2018-30.06.2019	16.5 10
JUMLAH TEMPOH (C) TIDAK DISEDIAKAN			26.5
4. Juruteknik Awam 1	(Tidak Disediakan) 16.11.2015 - 30.11.2018	30.04.2015 - 15.11.2015 01.12.2018 - 30.06.2019	6.5 7
JUMLAH TEMPOH (D) TIDAK DISEDIAKAN			13.5
5. Juruteknik Awam 2	(Tidak Disediakan) 01.11.2015 - 01.07.2016 01.08.2016 - 31.07.2018 01.08.2018 - 31.01.2019 01.05.2019 - 30.06.2019	30.04.2015 - 31.10.2015 02.07.2016 - 31.07.2016 - 01.02.2019 - 30.04.2019 -	6 1 0 3 0
JUMLAH TEMPOH (E) TIDAK DISEDIAKAN			10
6. Pembantu Pejabat 1	(Tidak Disediakan) 03.06.2015 - 15.09.2016 01.10.2016 - 31.05.2017 03.07.2017 - 30.06.2019	30.04.2015 - 02.06.2015 16.09.2016 - 30.09.2016 01.06.2017 - 02.07.2017 -	1 0.5 1 0
JUMLAH TEMPOH (F) TIDAK DISEDIAKAN			2.5
7. Pembantu Pejabat 2	(Tidak Disediakan) 01.02.2016 - 31.12.2018	30.04.2015 - 31.01.2016 01.01.2019 - 30.06.2019	9 6
JUMLAH TEMPOH (G) TIDAK DISEDIAKAN			15
JUMLAH KESELURUHAN TEMPOH PERSONEL DI TAPAK TIDAK DISEDIAKAN (A - G)			92.6

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

Pendapat Audit | Pengurusan bagi personel untuk PD kurang memuaskan kerana personel untuk PD tidak disediakan sepenuhnya sepanjang tempoh projek seperti kehendak kontrak.

b. Laporan Ketidakpatuhan (NCR)

- i. Perkara 6.2 PK 2/2013 Bahagian II Garis Panduan Pengurusan Pembinaan Lampiran 2.32 menyatakan perunding kontraktor adalah bertanggungjawab menjalankan penyeliaan harian kerja di tapak bagi memastikan kerja yang dilaksanakan mematuhi spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan.
- ii. Berdasarkan penyeliaan harian kerja di tapak oleh perunding kontraktor untuk kerja awam dan struktur, sebanyak 31 [*Non-Conformance Report (NCR)*] telah dikeluarkan mulai 15 April 2016 hingga 25 Oktober 2018. Selain daripada NCR yang dikeluarkan oleh perunding kontraktor, pihak personel kepada PD juga ada mengeluarkan sebanyak 14 NCR mulai 8 Jun 2016 hingga 26 April 2018 untuk penyenggaraan rutin yang dijalankan oleh kontraktor di bawah kontrak ini.
- iii. Semakan Audit sehingga bulan Disember 2019 mendapati semua NCR telah ditutup seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
LAPORAN NCR DARI TAHUN 2015 HINGGA 2019

TAHUN DIKELUARKAN	NCR DIKELUARKAN OLEH	JUMLAH NCR	JUMLAH DITUTUP
2015	Perunding Kontraktor	0	-
	Personel untuk PD	0	-
2016	Perunding Kontraktor	8	8
	Personel untuk PD	4	4
2017	Perunding Kontraktor	10	10
	Personel untuk PD	7	7
2018	Perunding Kontraktor	13	13
	Personel untuk PD	3	3
2019	Perunding Kontraktor	0	0
	Personel untuk PD	0	-
JUMLAH NCR OLEH PERUNDING KONTRAKTOR		31	31
JUMLAH NCR OLEH PERSONEL UNTUK PD		14	14
JUMLAH KESELURUHAN NCR		45	45

Sumber: JKR Sarawak

- iv. Semakan lanjut Audit mendapati kaedah pemantauan dan penyeliaan projek juga dijalankan melalui buku harian tapak, mesyuarat teknikal, 34 mesyuarat tapak dan 28 mesyuarat keselamatan tapak sepanjang tempoh kontrak.

Pendapat Audit | **Penyediaan Laporan NCR adalah baik kerana semua NCR yang dikeluarkan telah ditutup.**

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, pelaksanaan Projek *Kick Off* Naik Taraf Jalan Simpang Nyabau, Bintulu ke Simpang Bakun di bawah Projek Naik Taraf Lebuhraya Pan Borneo telah diuruskan dengan memuaskan. Meskipun begitu, terdapat beberapa kelemahan dalam pentadbiran kontrak seperti pengurusan bon pelaksanaan dan polisi insurans. Projek ini siap pada 18 Disember 2018 dengan EOT sebanyak 780 hari. Namun begitu, *outcome* keseluruhan projek belum dapat dinilai. Terdapat sedikit kelewatan dari segi penyerahan bon pelaksanaan selama 71 hari di samping beberapa kelemahan dalam pengurusan pembinaan.

7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek di masa hadapan, adalah disyorkan supaya pihak berkenaan mengambil tindakan penambahbaikan berikut:

- 7.1. Pengarah Projek hendaklah memastikan aspek pentadbiran kontrak terutama berkaitan pelanjutan tempoh bon pelaksanaan dan polisi insurans diuruskan dengan teratur supaya kepentingan kerajaan dilindungi; dan
- 7.2. pemantauan berterusan hendaklah dilaksanakan bagi memastikan pengurusan pembinaan kerja awam dan elektrik mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak.

